

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"JIKA kita merancang maka perancangan itu hendaklah didukung oleh keupayaan sumber manusia yang berkemahiran dan cekap supaya dengan itu dapatlah kita memperoleh hasil yang memuaskan".
- Titah Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 Tahun pada 30 Syawal 1436 Hijrah / 15 Ogos 2015 Masihi.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسن ايمان
MANISNYA IMAN

"DAN sesungguhnya (kehidupan) negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya, kalaulah mereka mengetahui".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-'Ankabut, ayat 64.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 66 / BILANGAN 43

10 APRIL 2021 / 1442 شعبان 27

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Setiausaha Negara Pertama dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Hal Ehwal Komanwel dan Hal Ehwal Pembangunan United Kingdom, The Right Honourable Dominic Raab MP, yang mengadakan Lawatan Kerja ke negara ini selama dua hari.

Siaran Akhbar :

Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

United Kingdom, The Right Honourable Dominic Raab MP, yang mengadakan Lawatan Kerja ke negara ini selama dua hari.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan The Right Honourable Setiausaha Negara Pertama dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Hal Ehwal Komanwel dan Hal Ehwal Pembangunan United Kingdom berbincang mengenai isu-isu kerjasama dua hala juga serantau yang berkepentingan bersama di antara Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom. Ini mencerminkan

hubungan yang sudah lama terjalin di antara kedua-dua buah negara.

Menyertai bersama The Right Honourable semasa Majlis Mengadap tersebut, Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama John Virgoe; dan Ketua Jabatan Asia Timur, London, Sarah Catherine Cooke.

Turut hadir ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

Berita Utama



PERUMAHAN Kampung Lugu Fasa 2 bakal dibina Muka 9



Warisan

KEUNIKAN Majlis Bebadak Mandi serlahkan adat Brunei Muka 27

BERKENAN UTUS TAKZIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta ahli kerabat diraja dan juga kerajaan serta rakyat Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan takziah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of The United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland dan kepada Perdana Menteri United Kingdom, Tuan Yang Terutama The Rt. Hon. Boris Johnson MP, berikutan dengan kemangkatan Duli Yang

Teramat Mulia Putera Philip, the Duke of Edinburgh pada Jumaat, 9 April 2021.

Dalam titah perutusan berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta ahli kerabat diraja, kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam menzahirkan rasa simpati yang amat mendalam berikutan kemangkatan Duli Yang Teramat Mulia Putera Philip, the Duke of Edinburgh.

Baginda masih ingat pertemuan terakhir dengan DYTM Putera Philip semasa Majlis Persantapan Tengah Hari Diraja Jubilee Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II di Windsor Castle pada tahun 2012, di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Raja Isteri sangat menghargai persahabatan yang erat lagi mesra dengan DYTM Putera Philip dan baginda berdua akan sentiasa mengenang pertemuan dan perbualan dengan DYTM Putera Philip.

DYTM Putera Philip akan sentiasa dikenang melalui kerjanya yang banyak menyentuh kehidupan, khususnya the Duke of Edinburgh's International Award yang memberi dorongan kepada banyak golongan belia di merata dunia termasuk Negara Brunei Darussalam.

Bagi mengakhiri perutusan berkenaan, sekali lagi Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan juga ahli kerabat diraja, kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam menzahirkan takziah yang amat mendalam kepada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II dan seluruh ahli kerabat diraja dalam tempoh kehilangan besar dan berkabung ini.

STATISTIK COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 9 APRIL 2021, 12.00 tengah hari

219	116,596
Jumlah kes yang jangkitan	Jumlah keseluruhan ujian makmal (sejak Januari 2020)
3	16,432
Jumlah kematian	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
206	10
Jumlah kes yang sembuh	Kes aktif

Ministry of Health, Brunei Darussalam | mohbrunei | www.moh.gov.bn

Hubungan yang luhur kedua-dua buah negara



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Santap Rasmi sempena Lawatan Rasmi Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Perundingan Tahunan Ketua-Ketua Kerajaan Kali Ke-23 pada Isnin, 22 Syaaban 1442 Hijrah bersamaan 5 April 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

- **NEGARA** Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia terus menikmati hubungan dua hala di pelbagai bidang.
- **MENERUSI** penandatanganan serta kesepakatan yang dicapai akan memperkukuhkan lagi kerjasama sedia ada.
- **IA** juga boleh menjadi pemudah cara bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi pasca wabak Koronavirus.
- **SEBAGAI** Pengerusi ASEAN, Brunei akan menumpukan perhatian dan usaha ke arah membaik pulih keadaan serantau dan memastikan pencapaian visi ASEAN 2025.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala
Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

sebagai protokol pencegahan, Negara Brunei Darussalam dan Malaysia juga dilihat sebagai tidak mengabaikan 'Vaksin Ketuhanan', iaitu berzikir dan berdoa kepada Allah untuk mendapatkan kebebasan segera daripada ancaman wabak ini. Inilah kelebihan atau uniknya negara dan rakyat kita dalam menghadapi dan menanganai musibah yang menggerunkan itu.

YANG Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berbahagia Puan Sri Noorainee Abdul Rahman dan para hadirin.

Beta dan Duli Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dengan amat sukacita mengalu-alukan Yang Amat Berhormat Tan Sri dan Yang Amat Berbahagia Puan Sri serta rombongan ke Negara Brunei Darussalam.

Walaupun kita masih melaksanakan normal bahu akab wabak Koronavirus, namun dengan ketentuan Allah jua, Yang Amat Berhormat Tan Sri selaku Perdana Menteri Malaysia, telah dapat melakukan lawatan pertama ke Negara Brunei Darussalam.

Brunei dan Malaysia, sebagaimana juga negara-negara lain, masih saja di tahap berhati-hati dan berjaga-jaga menghadapi gelombang wabak yang mencemaskan ini. Di samping mematuhi SOP biasa

Yang Amat berhormat Tan Sri, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana kedua buah negara kita terus bekerjasama saling membantu dalam membendung wabak Koronavirus.

Beta sangat menghargai keputusan Kerajaan Tan Sri dalam membenarkan rakyat Brunei untuk membuat persinggahan melalui Malaysia serta juga bantuan yang telah diberikan untuk membawa balik rakyat dan penduduk Brunei Darussalam yang terkandas di luar negara.





Ini adalah mencerminkan kesefahaman mendalam, hasil dari hubungan persahabatan yang bercirikan persamaan budaya, bahasa dan agama.

Beta percaya, hubungan yang luhur ini, akan lebih dikukuhkan lagi oleh faktor-faktor 'kekerabatan' kerabat diraja dan persahabatan di antara kerajaan dan rakyat kedua buah negara.

Ke muka 7

WAKTU SEMBAHYANG										
APRIL MASIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
10	SABTU	27	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
11	AHAD	28	4.47	4.57	6.15	6.38	12.22	3.29	6.28	7.37
12	ISNIN	29	4.47	4.57	6.15	6.37	12.22	3.29	6.27	7.37
13	SELASA	1 RAMADAN	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27	7.37
14	RABU	2	4.46	4.56	6.14	6.36	12.22	3.30	6.27	7.37
15	KHAMIS	3	4.45	4.55	6.14	6.36	12.21	3.30	6.27	7.37
16	JUMAAT	4	4.45	4.55	6.13	6.36	12.21	3.31	6.27	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan 32 24 °C	32 25 °C	30 25 °C	
Pekan Bangar 31 24 °C	30 24 °C	30 24 °C	
Pekan Tutong 32 24 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Kuala Belait 31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 10 APRIL 2021

SETIAP INDIVIDU BERHAK MENERIMA PERKHIDMATAN KESIHATAN

HARI Kesihatan Sedunia yang disambut pada 7 April di seluruh dunia pada tahun ini membawa tema 'Membangun Dunia Yang Lebih Adil dan Sihat' yang bertujuan untuk membanteras ketidaksamaan kesihatan secara global dan menyatukan semua untuk membangun dunia yang lebih adil dan sihat.

Dalam hal ini, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang ditubuhkan pada 1948 tersebut adalah komited untuk memastikan setiap individu di mana sahaja dapat mewujudkan hak untuk mendapatkan kesihatan yang baik melalui konsep Liputan Kesihatan Sejagat dan seterusnya menggalakkan dan mempromosi tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh semua pihak seluruh dunia bagi menyumbang ke arah merealisasikan Konsep Liputan Kesihatan Sejagat secara global.

Liputan Kesihatan Sejagat atau Universal Health Coverage bermaksud semua lapisan masyarakat yang memerlukan mempunyai akses yang sama untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti pada bila-bila masa dan di mana sahaja tanpa dibebani dengan isu kewangan.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan Hari Kesihatan Dunia baru-baru ini.

Jelas Yang Berhormat, kesihatan adalah hak asasi setiap individu dan setiap individu berhak untuk menerima maklumat dan perkhidmatan yang mereka perlukan bagi memastikan kesihatan diri dan ahli keluarga mereka sentiasa terjaga.

Oleh itu, sekurang-kurangnya separuh daripada penduduk dunia tidak menerima perkhidmatan kesihatan yang mereka perlukan dan kira-kira 100 juta penduduk dunia menjalani kehidupan dalam kemiskinan setiap tahun kerana terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri bagi kesihatan mereka.

Di Negara Brunei Darussalam semua rakyat dan penduduknya menerima Liputan Kesihatan Sejagat daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan dengan penyediaan perkhidmatan kesihatan yang mudah diakses dan diperolehi di keempat daerah yang termasuk penyediaan 14 buah pusat kesihatan yang komprehensif, empat buah klinik kesihatan, dua perkhidmatan perubatan udara dan tiga klinik bergerak.

Pusat-pusat kesihatan yang disediakan di peringkat masyarakat adalah komprehensif dan selaras dengan konsep One-Stop Health Centre yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan asasi yang bertumpu di bawah satu bumbung, dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti serta efisiensi dengan menyediakan persekitaran yang lebih selesa dan kondusif berdekatan dengan masyarakat.

Penjagaan Kesihatan Asasi mempunyai peranan yang sangat penting dalam liputan kesihatan sejagat dan juga dalam penjagaan kesihatan secara menyeluruh atau holistik kerana Penjagaan Kesihatan Asasi merangkumi keperluan kesihatan seseorang individu bagi sepanjang hayat iaitu dari sebelum kelahiran lagi, semasa kecil, sesudah dewasa dan sehinggalah ke hujung hayat.

Oleh itu, setiap insan di negara ini hendaklah menitikberatkan perihwal kesihatan masing-masing dan memanfaatkan setiap kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan dengan sebaiknya. Di samping itu, para profesional dan pekerja kesihatan turut sama memainkan peranan penting bagi sama-sama mendidik masyarakat atau pesakit tentang cara penjagaan kesihatan mereka. Dalam hal ini, segenap lapisan masyarakat sudah setentunya menerima perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan menyeluruh selaras dengan visi Kementerian Kesihatan, 'Bersama Ke Arah Warga Sihat' dan juga menaani Wawasan Brunei 2035, iaitu 'Pencapaian Kualiti Hidup Penduduk Yang Tinggi'. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**

Titah perutusan takziah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan takziah kepada Presiden Republik

Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Joko Widodo dan juga kepada Presiden Demokratik Republik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Presiden Francisco Guterres Lu-Olo;

dan Perdana Menteri Demokratik Republik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Taur Matan Ruak, Kerajaan dan Rakyat Demokratik Republik Timor-Leste, berikutan dengan kejadian banjir kilat dan tanah runtuh akibat dari Taufan Seroja yang berlaku, baru-baru ini, yang mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Nguyen Xuan Phuc, berikutan dengan pelantikannya sebagai Presiden Republik Sosialis Viet Nam dan juga kepada Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh, berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Nguyen Xuan Phuc dan Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh.

BERKENAN HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH



19 anak yatim terima sumbangan



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua selaku Penaung Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas (tiga, kanan) hadir pada Majlis Membaca Tahlil dan Doa Arwah Sekampung, yang diadakan di Masjid Kampung Kilanas, KM12 Jalan Tutong.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

KILANAS, Jumaat, 9 April. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas malam tadi mengelolakan Majlis Membaca Tahlil dan Doa Arwah Sekampung yang diselajurkan dengan penyampaian derma untuk anak-anak yatim.



Hadir pada majlis tersebut, Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Penaung Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas.

Majlis yang berlangsung di Masjid Kampung Kilanas, KM12 Jalan Tutong, di sini, didahului dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid berkenaan, Awang Muhd Fahmie bin Haji Metussin.

Bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua dan

YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua semasa menyampaikan derma kepada anak yatim berkenaan.

Lantikan YDP Adat Istiadat Negara baharu

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 April. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah bagi Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar dilantik menjadi Yang Di-Pertua (YDP) Adat Istiadat Negara, mulai Jumaat, 9 April 2021 bagi menggantikan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar yang tidak lagi memegang jawatan YDP Adat Istiadat Negara mulai dari tarikh yang sama.

seterusnya membaca Surah Yaa Siin dan Doa Tahlil beramai-ramai serta Doa Arwah Sekampung yang diketuai oleh Imam Masjid, Awang Mohd Redzuan bin Haji Marzuki.

Sejurus menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, acara diteruskan dengan penyampaian derma kepada seramai 19 orang anak-anak yatim di Kampung Kilanas, disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua.

Sumbangan derma berupa wang tunai merupakan hasil dari Tabung Derma Khas Anak-Anak Yatim bagi Kampung Kilanas dari Masjid Kampung Kilanas dan sumbangan penduduk penduduk Kampung kilanas.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Awang Muhd. Fahmie.

Tujuan utama majlis ini adalah untuk menjalankan aktiviti tahunan mana Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid telah sepakat dan bersetuju mengadakannya kira-kira beberapa hari lagi umat Islam di Negara Brunei Darussalam

menyambut bulan Ramadan Mubarak dan mendoakan arwah-arwah yang telah kembali ke rahmatullah khususnya penduduk Kampung Kilanas dan umat Islam amnya.

Pada tahun ini jumlah jemaah dan penduduk sekitar masjid Kampung Kilanas yang ikut serta dalam sama-sama menghulurkan bantuan dan sokongan secara sukarela dari Ahli Jawatankuasa Takmir, Penduduk Kampung dan orang ramai sangatlah membanggakan demi untuk mengadakan majlis ini.

Majlis ini juga adalah salah satu aktiviti yang boleh mengimarahkan Masjid di mana perhubungan Ahli Jawatankuasa Takmir dan Jemaah Masjid yang lain boleh dieratkan dengan kerjasama di dalam hubungan antara mereka.

Turut hadir ialah Penasihat-penasihat serta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kilanas dan para jemputan khas, anak-anak yatim dan penjaga mereka serta jemaah masjid, penduduk Kampung Kilanas dan sekitarnya.

Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 75 Kali Khatam

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 April. - Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 75 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021 diadakan hari ini, bermula selepas Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, di masjid-masjid terpilih, di setiap daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM), Majlis Pelancaran

Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran 75 Kali Khatam tersebut diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021 (depan, tengah); Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (depan, dua dari kiri); dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan (depan, dua dari kanan) pada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 75 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021, di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Paduka Haji Awang Othman; dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Setiausaha-setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Kementerian Pendidikan; Pegawai DBM; Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan KHEDN,

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Pendidikan; Penghulu-penghulu Mukim; Ketua-ketua Kampung; Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK); juga Pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan DBM.

Majlis dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, dipimpin oleh tetamu-tetamu kehormat, seterusnya pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran, bermula dari Juz Pertama dimulakan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Pengiran Ahmad Faris Sellahuddin.

Peserta-peserta bagi

pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran adalah, terdiri daripada Ahli-ahli MPMK, mengikut Kategori Dewasa Lelaki; Dewasa Wanita; Belia dan Beliawanis (berumur 13 hingga 20 tahun) yang terpilih juga mewakili mukim dan kampung, termasuk Penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanil Bolkiah, Sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran Remaja; juga Kanak-kanak Lelaki dan Perempuan, berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili Sekolah-sekolah Arab, Sekolah-sekolah Ugama dan Skim Khatam Al-Quran, di bawah umur 10 tahun; dan penuntut-penuntut sekolah, di bawah Kementerian Pendidikan juga Institusi-institusi Pengajian Tinggi.



ANTARA yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran 75 Kali Khatam tersebut.

Daerah Temburong



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (dua, kiri) pada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 75 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021, di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

TEMBURONG, Khamis, 8 April. - Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 75 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara

sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021, diadakan serentak di keempat-empat daerah, di masjid-masjid terpilih.

Bagi Daerah Temburong, majlis berkenaan diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, dihadiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, dipimpin oleh tetamu kehormat, seterusnya pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran, bermula dari Juz Pertama dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Peserta-peserta bagi pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran, terdiri daripada Ahli-ahli MPMK, di keempat-empat daerah seluruh negara, mengikut Kategori Dewasa Lelaki; Dewasa Wanita; Belia dan Beliawanis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung, termasuk Penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanil Bolkiah, Sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran remaja; dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah mewakili Sekolah-sekolah Arab, Sekolah-sekolah Ugama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun; juga penuntut-penuntut sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi.

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN); Pemangku Pegawai Daerah Temburong; Pegawai-pegawai Kanan daripada KHEDN, KHEU dan Kementerian Pendidikan; Pemangku Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong; Penghulu-penghulu Mukim;

Ketua-ketua Kampung; Ahli-ahli MPMK; Pegawai-pegawai dan Kakitangan Jabatan Daerah Temburong; ketua-ketua cawangan jabatan-jabatan kerajaan Daerah Temburong; Pegawai-pegawai Ugama; Bilal-bilal; Ahli-ahli Takmir Masjid; dan anak-anak buah kampung.



ANTARA yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran 75 Kali Khatam berkenaan.

Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 75 Kali Khatam

Daerah Belait



SETIAUSAHA Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah Belait, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN); Pemangku Pegawai Daerah Belait; Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait; Ketua-ketua Jabatan; dan Pegawai-pegawai Kanan KHEDN, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan; Penghulu-penghulu Mukim; Ketua-ketua Kampung; Ahli-ahli MPMK; Pegawai-pegawai dan Kakitangan Jabatan Daerah Belait; Pegawai-pegawai Ugama; Bilal-bilal; Ahli-ahli Takmir Masjid; dan anak-anak buah kampung.

KUALA BELAIT, Khamis, 8 April. - Majlis Khatam Al-Quran 75 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Perundingan Mukim dan Kampung



PARA peserta pada Majlis Khatam Al-Quran 75 Kali Khatam tersebut (kiri dan kanan).

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

(MPMK), Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021 bagi Daerah Belait, bermula di Masjid Mohamad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Majlis yang berlangsung selepas Sembahyang Fardu Asar Berjemaah tersebut, disertai oleh peserta-peserta pembaca ayat-ayat suci Al-Quran, terdiri daripada Ahli-ahli MPMK, di keempat-empat daerah seluruh negara, mengikut Kategori Dewasa Lelaki; Dewasa Wanita; Belia dan Beliawanis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung, termasuk Penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkiah, Sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran remaja; dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12

tahun ke bawah mewakili Sekolah-sekolah Arab, Sekolah-sekolah Ugama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun; juga penuntut-penuntut sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi, Daerah Belait.

Majlis dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, dipimpin oleh tetamu-tetamu kehormat, seterusnya pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran, bermula dari Juz Pertama, dimulakan dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan

Estet), Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Daerah Belait, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN); Pemangku Pegawai Daerah Belait; Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait; Ketua-ketua Jabatan; dan Pegawai-pegawai Kanan KHEDN, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan; Penghulu-penghulu Mukim; Ketua-ketua Kampung; Ahli-ahli MPMK; Pegawai-pegawai dan Kakitangan Jabatan Daerah Belait; Pegawai-pegawai Ugama; Bilal-bilal; Ahli-ahli Takmir Masjid; dan anak-anak buah kampung.



Daerah Tutong



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (depan, empat dari kiri) pada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 75 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021, di Masjid Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang, Tutong.



PESERTA-peserta yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran 75 Kali Khatam berkenaan (atas dan atas kanan).

TUTONG, Khamis, 8 April. - Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 75 Kali Khatam bagi Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penuntut-penuntut Sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-75 bagi Tahun 2021 diadakan selepas Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, bertempat di masjid-masjid terpilih di setiap daerah.

Bagi Daerah Tutong, Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran 75 Kali Khatam tersebut diadakan di

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim



Masjid Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang, Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian

Pendidikan, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Tutong, Pegawai-pegawai Ugama dan Ahli-ahli Takmir Masjid.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu kehormat dan seterusnya pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran bermula dari juz pertama.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama (depan, tengah) semasa mengetuai Majlis Tahliil yang dikhususkan buat ayahanda dan bonda juga anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (atas), sementara gambar kanan, antara yang menyertai majlis tersebut.

KHEU ADAKAN MAJLIS TAHLIL



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 April. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), mengadakan Majlis Tahliil yang dikhususkan buat ayahanda dan bonda juga anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni

Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Majlis berlangsung di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, KHEU, Jalan Dewan Majlis, di sini. Hadir pada majlis tersebut ialah

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim. Bacaan Surah Yaa Siin, Tahliil dan Doa Arwah dipimpin oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

COVID-19 : 3 kes import baharu disahkan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 9 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa tiga kes import baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah seramai 219 orang.

Kes 217 ialah seorang kanak-kanak lelaki berumur 13 tahun yang tiba ke negara ini dari United Kingdom. Penyiasatan dan pengesanan kontak telah mendapati dua kontak terdekat bagi kes ini di mana kedua-dua mereka telah diarahkan untuk menjalani ujian virus SARS-CoV-2.

Kes 218 ialah seorang lelaki berumur 47 tahun dari Mesir manakala Kes 219 ialah seorang lelaki berumur 55 dari Eropah di mana kedua-duanya tiba ke negara ini melalui Kuala Lumpur pada 26 Mac 2021.

Penyiasatan dan pengesanan kontak mengesahkan tidak ada kontak terdekat bagi kes-kes ini memandangkan mereka telah dikuarantin sebaik sahaja tiba ke negara ini dan keseluruhan pengendalian perjalanan semasa ketibaan dan pengasingan diri mereka telah mengikut Standard Operating Procedure (SOP) yang sedia ada.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 338 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 78 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.


Menurut Kementerian Kesihatan lagi, 10 kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan kesemua kes yang sedang dirawat di pusat pengasingan tersebut adalah dalam keadaan yang baik serta alhamdulillah, empat kes aktif telah disahkan sembuh menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 206 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 457 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 16,432 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 423 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 116,596 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes



Meraikan kepulangan 2 pegawai sertai IDB VMAT



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua (tiga, kanan) hadir pada Majlis Doa Kesyukuran bagi meraikan kepulangan dua orang pegawai dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang menyertai penugasan selama 13 bulan di bawah Independent Decommissioning Body Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB VMAT) 2/2020 di Mindanao, Republik Filipina.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BOLKIAH GARISON, Khamis, 8 April. - Seramai dua orang pegawai dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang menyertai penugasan selama 13 bulan di bawah Independent Decommissioning Body Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB VMAT) 2/2020 di Mindanao, Republik Filipina, hari ini diraikan dengan Majlis Doa Kesyukuran.

Kontinjen diketuai oleh Leftenan Kolonel Mohd. Hanafi Azami bin Nayan bersama dengan Kapten (U) Mohammad Aliff bin Haji Zulkifli itu selamat kembali ke Negara Brunei Darussalam pada 10 Mac 2021.

Majlis yang berlangsung di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison itu dihadiri oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral (B)

Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir bersama ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Haji



PEGAWAI ABDB yang diraikan pada majlis tersebut.

Hamzah bin Haji Sahat, pegawai-pegawai tentera dan awam serta kakitangan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, diikuti dengan tazkirah dan bacaan Doa Kesyukuran. Majlis disudahi dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah.

MERAIKAN 5 TAHUN PEMASANGAN LVAD

- ALAT bantuan LVAD ini adalah untuk kegunaan mengepam jantung.
- PESAKIT yang mengalami kegagalan jantung yang teruk di negara ini dan tidak dapat dikendalikan oleh doktor atau rawatan lain boleh dipertimbangkan untuk menggunakan LVAD.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Jumaat, 9 April. - Negara Brunei Darussalam (NBD) merupakan pusat pertama di Asia yang menggunakan program Alat Bantuan Ventrikel Kiri (LVAD) dan berjaya melakukan pemasangan LVAD.

Alat bantuan LVAD ini adalah untuk kegunaan mengepam jantung. Selain itu, ia juga digunakan untuk merawat orang yang mengalami beberapa kegagalan fungsi jantung.

Kegagalan fungsi jantung adalah salah satu penyebab utama kematian di seluruh dunia dan tidak terkecuali juga NBD.

Kebiasaannya, ia berkembang kerana jantung mengalami kerosakan akibat serangan jantung atau akibat lain seperti

kardiomiopati, iaitu penyakit otot jantung.

Apabila pesakit mengalami kegagalan fungsi jantung yang berpanjangan, maka risiko kematian adalah sangat tinggi. Kemungkinan ia akan berisiko untuk menghidap penyakit kanser (barah).

Justeru, pesakit yang mengalami kegagalan jantung yang teruk di negara ini dan tidak dapat dikendalikan oleh doktor atau rawatan lain boleh dipertimbangkan untuk menggunakan LVAD.

Ventrikel kiri adalah salah satu daripada empat ruang jantung, iaitu mengepam darah ke aorta (arteri besar yang meninggalkan jantung) dan di sekitar badan kita.

Sekiranya seseorang mengalami kegagalan fungsi jantung yang teruk, ia mengakibatkan jantung terlalu lemah untuk mengepam darah yang cukup ke seluruh

badan.

Oleh itu, pada 11 November 2014, NBD mula menggunakan program LVAD dan berjaya melakukan pemasangan tersebut.

Sehubungan itu, Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Lima Tahun Pemasangan LVAD, bertempat di Bilik CME, pusat berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dikepalai oleh Ketua Guru Ugama JPMC, Awang Haji Iskandar bin Haji Buntar dan seterusnya bacaan Doa Kesyukuran.

Selepas itu, majlis diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Dr. Peter Tay dan disusuli dengan Ketua Perkhidmatan Klinikal dan Pengarah Pembedahan, Gleneagles JPMC, Profesor Dr. Eugene Sim Kwang Wei.

Salah seorang pesakit jantung, Awang Ramlee bin Haji Kamis mula diagnosis dengan disfungsi jantung yang teruk pada tahun 2002.

Sejak itu, dia sering dimasukkan ke hospital untuk mendapatkan rawatan kegagalan fungsi jantung.

Walaupun mendapat rawatan perubatan yang optimum, beliau terus menderita akibat kegagalan fungsi jantung, termasuk sukar bernafas dan melakukan aktiviti fizikal yang terhad.

Dengan sokongan penuh



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (tiga, kanan) hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Lima Tahun Pemasangan Alat Bantuan Ventrikel Kiri (LVAD), yang diadakan di pusat berkenaan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan, pada 15 September 2015, LVAD berjaya dipasang di Gleneagles JPMC di negara ini.

Awang Ramlee mula menjalani pemasangan Heaetmate II, jenis LVAD dan kini beliau dapat menjalani kehidupan seharian bersama keluarga dan rakan-rakannya sejak lebih lima tahun pemasangan LVAD.

BACAAN Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran oleh Ketua Guru Ugama JPMC, Awang Haji Iskandar bin Haji Buntar.



Pesakit perlu berdisiplin ketika memakai LVAD

Oleh : Nooratini Haji Abas

JERUDONG, Jumaat, 9 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengingatkan sebelum memasang Alat Bantuan Ventrikel Kiri (LVAD) ini, keadaan pesakit perlu dipastikan terlebih dahulu, malah rumah pesakit juga diperiksa, termasuklah memastikan mempunyai bekalan elektrik yang sesuai dan memantau pendawaian elektrik rumah.

Bukan itu sahaja, ini dikhuatiri juga bagi memikirkan keselamatan para pesakit apabila berlakunya kejadian banjir dan bekalan elektrik terputus di rumah berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam temu bual bersama para media juga menekankan agar disiplin seseorang pesakit yang memakai LVAD ini juga dijaga, termasuklah dalam pemakanan ubat.

"Alhamdulillah, Awang Ramlee telah menunjukkan disiplin dirinya yang baik dalam masuk enam tahun ini. Tetapi masalah yang dikhuatiri pula mengenai jangkitan, apabila seseorang yang memakai LVAD, ia mengeluarkan dari badan perut *wire* di sana boleh dijangkiti. Mereka ini tidak dibenarkan *swimming* dan terkena air, ada caranya untuk mandi dan sebagainya," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, ia memerlukan banyak disiplin dan pemantauan.

"Alhamdulillah, di Brunei, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menyediakan perkhidmatan *heart failure programme*, iaitu apabila jantung itu menjadi sangat lemah dan kekuatannya mengurang, bahkan sebahagian pesakit berjalan dari kerusi tidak dapat atau payah, badan akan membengkak, kadang menguning, fungsi jantung tidak dapat *memump* seluruh badan.

"Alhamdulillah, sejak program ini dimulakan, *kitani* ada membuat lima, Awang Ramlee telah mencapai enam tahun setelah mendapat *implant* ini," tambah Yang Berhormat lagi.

Sejak memakai alat ini jelas Yang Berhormat, beliau bukan sahaja dapat bergerak dengan baik, kembali bekerja dan berterusan bekerja, juga menjadi ketua keluarga serta menyara keluarganya.

Didik belia mengerjakan sembahyang berjemaah

Oleh : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi
Foto : Ihsan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

TEMBURONG, Jumaat, 9 April. - Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah Di Masjid bagi Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi merupakan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan belia-belia masjid.

Acara berkenaan diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud;

Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar) KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan) KKBS, Kolonel (B) Pengiran Haji Maimudin bin Pengiran Haji Said; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim serta Pegawai-pegawai Kanan KKBS.

Ke muka 11



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (lima, kanan) hadir pada Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah Di Masjid bagi Tahun 1442 Hijrah / 2021 Masihi yang diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Temburong.

HASRAT NEGARA

Hubungan yang luhur kedua-dua buah negara

Dari muka 2

Beta mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah di atas kejayaan Negara Malaysia dalam mempengerusikan Mesyuarat-mesyuarat APEC pada tahun lalu.

Di bawah kepimpinan dan kewibawaan Yang Amat Berhormat Tan Sri, APEC telah berjaya melancarkan Visi Putrajaya 2040 ke arah mewujudkan komuniti ekonomi Asia-Pasifik yang aman, terbuka dan berdaya tahan.

Beta juga gembira, kedua buah negara kita terus menikmati hubungan dua hala di pelbagai bidang, termasuk bidang-bidang perdagangan, pertahanan, pendidikan dan kesihatan.

Ini menjadi pertanda, bahawa penandatanganan serta juga kesepakatan yang kita capai pada pagi ini akan lebih memperkukuhkan lagi kerjasama yang sedia ada.

Beta yakin, ini juga boleh menjadi pemudah cara bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi pasca wabak

Koronavirus.

Yang Amat Berhormat Tan Sri, Sebagai Pengerusi ASEAN, Brunei akan menumpukan perhatian dan usaha ke arah membaik pulih keadaan serantau dan memastikan pencapaian visi ASEAN 2025.

Kita sangatlah menghargai sokongan Malaysia kepada Brunei selaku Pengerusi ASEAN pada tahun ini.

Akhirnya, beta dan Duli Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas lawatan Yang Amat Berhormat Tan Sri dan

Yang Amat Berbahagia Puan Sri serta rombongan.

Dan mengambil sempena baik, beta juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadan yang mulia serta berdoa semoga Yang Amat Berhormat Tan Sri dan Yang Amat Berbahagia Puan Sri sentiasa dalam keadaan sihat walafiat serta kerajaan dan rakyat Malaysia akan terus menikmati kemajuan dan kemakmuran.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

PENJAGAAN KESIHATAN SECARA MENYELURUH

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesehatan

- **PADA** tahun ini, WHO telah memilih tema 'Membangun Dunia Yang Lebih Adil Dan Sihat' (Building A Fairer, Healthier World) yang bertujuan untuk membanteras ketidaksamaan kesihatan secara global dan menyatukan semua untuk membangun dunia yang lebih adil dan sihat.
- **INI** adalah kerana kesihatan adalah hak asasi setiap individu dan setiap individu berhak untuk menerima maklumat dan perkhidmatan yang mereka perlukan bagi memastikan kesihatan diri dan ahli keluarga mereka sentiasa terjaga.
- **SAMBUTAN** Hari Kesihatan Sedunia pada tahun ini memberi fokus kepada aspek-aspek berkaitan dengan ekuiti dan perpaduan serta menggunakan Whole of Government Approach bagi menangani halangan kepada akses kepada penjagaan dan perkhidmatan kesihatan (*health inequities*) dengan meningkatkan pelaburan kepada penjagaan kesihatan asasi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 April. - Hari Kesihatan Sedunia disambut pada 7 April di seluruh dunia sempena memperingati penubuhan Pertubuhan Kesihatan Sedunia, World Health Organization (WHO) pada tahun 1948.

Setiap tahun, Sambutan Hari Kesihatan Sedunia diraikan dengan tema yang berbeza dan ia dijadikan sebagai salah satu platform utama untuk menarik perhatian orang ramai mengenai isu-isu global kesihatan semasa.

Pada tahun ini, WHO telah memilih tema 'Membangun Dunia Yang Lebih Adil Dan Sihat' (Building A Fairer, Healthier World) yang bertujuan untuk membanteras ketidaksamaan kesihatan secara global dan menyatukan semua untuk

membangun dunia yang lebih adil dan sihat.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Menteri Kesehatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan Hari Kesihatan Dunia.

Menurut Yang Berhormat, WHO komited untuk memastikan setiap individu, di mana sahaja, dapat mewujudkan hak untuk mendapatkan kesihatan yang baik melalui konsep Liputan Kesihatan Sejangat dan seterusnya menggalakkan dan mempromosi tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh semua pihak seluruh dunia bagi menyumbang ke arah merealisasikan Konsep Liputan Kesihatan Sejangat secara global.

Liputan Kesihatan Sejangat atau Universal Health Coverage

bermaksud semua lapisan masyarakat yang memerlukan mempunyai akses yang sama untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti pada bila-bila masa dan di mana sahaja tanpa dibebani dengan isu kewangan.

Ini adalah kerana kesihatan adalah hak asasi setiap individu dan setiap individu berhak untuk menerima maklumat dan perkhidmatan yang mereka perlukan bagi memastikan kesihatan diri dan ahli keluarga mereka sentiasa terjaga.

Menurut WHO, jelas Yang Berhormat, sekurang-kurangnya separuh daripada penduduk dunia tidak menerima perkhidmatan kesihatan yang mereka perlukan dan kira-kira 100 juta penduduk dunia menjalani kehidupan dalam kemiskinan setiap tahun kerana terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri bagi kesihatan mereka.

Yang Berhormat juga mengongsikan Sambutan Hari Kesihatan Sedunia pada tahun ini memberi fokus kepada aspek-aspek berkaitan dengan ekuiti dan perpaduan serta menggunakan Whole of Government Approach bagi menangani halangan kepada akses kepada penjagaan dan perkhidmatan kesihatan (*health inequities*) dengan meningkatkan pelaburan kepada penjagaan kesihatan asasi.

Ringkasnya, dalam mencapai liputan kesihatan sejangat, sebahagian besar penjagaan kesihatan sama ada dari segi promosi kesihatan, pencegahan penyakit, perawatan atau

pemulihan diberikan kepada semua peringkat masyarakat bagi memastikan Kesihatan Untuk Semua (Health For All) terlaksana dan untuk membangun ketahanan kesihatan pada masa depan.

"Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam (NBD), kita sangat beruntung kerana semua rakyat dan penduduk di negara ini menerima Liputan Kesihatan Sejangat daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesehatan dengan penyediaan perkhidmatan kesihatan yang mudah diakses dan diperoleh di keempat daerah yang termasuk penyediaan 14 buah pusat kesihatan yang komprehensif, empat buah klinik kesihatan, dua perkhidmatan perubatan udara dan tiga klinik bergerak.

"Pusat-pusat kesihatan yang disediakan di peringkat masyarakat adalah komprehensif dan selaras dengan konsep One-Stop Health Centre yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan asasi yang bertumpu di bawah satu bumbung, dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti serta efisiensi dengan menyediakan persekitaran yang lebih selesa dan kondusif berdekatan dengan masyarakat," jelas Yang Berhormat.

Pada dasarnya, Penjagaan Kesihatan Asasi mempunyai peranan yang sangat penting dalam liputan kesihatan sejangat dan juga dalam penjagaan kesihatan secara menyeluruh atau holistik kerana Penjagaan Kesihatan Asasi merangkumi keperluan kesihatan seseorang individu bagi sepanjang hayat iaitu dari sebelum kelahiran lagi, semasa kecil, sesudah dewasa dan sehinggalah ke hujung hayat.

Dalam pada itu, komitmen kerajaan NBD ke arah Penjagaan Kesihatan Asasi di negara ini dan Liputan Kesihatan Sejangat dapat dilihat melalui pencapaian negara dalam Matlamat Pembangunan Milenium 2015 (Millennium Development Goals 2015).

Menurut Yang Berhormat, NBD sudah berjaya memenuhi beberapa sasaran Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (Sustainable Development Goals 2030).

"Di antaranya, 1) Nisbah Kematian Ibu (Maternal Mortality Ratio) di NBD telah menunjukkan penurunan yang ketara sejak tahun 1960-an sehingga sekarang, 2) Kadar Kematian Di Bawah 5 Tahun (Under-5 Mortality Rate), NBD telah dapat mengurangkan kadar ini ke dalam sasaran SDG, 3) Mencapai liputan imunisasi yang melebihi sasaran SDG, iaitu lebih daripada 95 peratus kanak-kanak di bawah umur 5 tahun telah diimmunisasi setiap tahun dan 4) NBD telah diisytiharkan bebas-Malaria oleh WHO pada tahun 1987, bebas-Polio pada tahun 2000, Bebas-Measles pada tahun 2015 dan bebas Rubella pada bulan November 2018," terang Yang Berhormat.

Penjagaan Kesihatan Asasi yang mantap dan teratur juga telah terbukti kos efektif dan saksama dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan berkualiti serta telah membantu banyak negara dalam mencapai kemajuan ke arah Liputan Kesihatan Sejangat di negara masing-masing.

Oleh yang demikian, kefahaman yang mendalam mengenai Liputan Kesihatan Sejangat juga adalah sangat penting dalam membuat perangkaan dasar-dasar negara



YANG Berhormat Menteri Kesehatan dalam perutusan sempena Sambutan Hari Kesihatan Dunia.

bagi memastikan NBD akan dapat terus maju ke arah memastikan dan mengekalkan Liputan Kesihatan Sejangat.

"Dalam mencapai impian ke arah kesihatan untuk semua atau Health For All, satu realiti, kerjasama dari semua pihak adalah sangat diperlukan. Kita memerlukan individu dan masyarakat yang mendapat akses kepada perkhidmatan untuk bertanggungjawab dalam menjaga kesihatan mereka mahupun ahli keluarga mereka; ahli profesional dan pekerja kesihatan yang mempunyai kemahiran untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti bersandarkan pada keperluan khusus masyarakat masing-masing atau *people-centred care* dan para perangka dasar untuk lebih bijak serta komited dalam melaburkan perbelanjaan dalam pemberian penjagaan kesihatan asasi," tambah Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat berharap agar Sambutan Hari Kesihatan Sedunia pada tahun ini akan dapat dijadikan sebagai satu landasan kepada rakyat dan penduduk NBD untuk lebih menghargai kesihatan diri sendiri dan tidak meniasiasikan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Begitu juga, para profesional dan pekerja-pekerja kesihatan juga memainkan peranan yang penting dalam sama-sama bersedia untuk mendidik para pesakit tentang cara-cara menjaga kesihatan, menyelaras penjagaan dan menyokong keperluan pesakit mereka. Hubungan profesional yang baik dapat dimanfaatkan melalui pemberian pendidikan pesakit secara berterusan dan konsisten dengan setiap pesakit.

"Akhirnya, dalam menyokong tema Sambutan Hari Kesihatan Sedunia pada tahun ini, NBD adalah komited dan akan terus berusaha untuk mengukuhkan lagi Penjagaan Kesihatan kepada semua lapisan penduduk di negara ini dalam merealisasikan liputan kesihatan sejangat agar perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan menyeluruh dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama secara mudah dan saksama sebagai sebahagian daripada sistem penjagaan kesihatan negara di mana adalah selaras dengan Wawasan Brunei 2035, iaitu 'Pencapaian Kualiti Hidup Penduduk Yang Tinggi' dan juga Visi Kementerian Kesihatan 'Bersama Ke Arah Warga Sihat'," jelas Yang Berhormat mengakhiri perutusan.

COVID-19 : 4 kes import sembuh

Siaran Akhbar : Kementerian Kesehatan
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 April. - Kementerian Kesehatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa satu kes import baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah kekal seramai 216 orang.

Kes 216 ialah seorang lelaki,

berumur 41 tahun, yang tiba ke negara ini dari Jakarta melalui Singapura, pada 26 Mac 2021.

Penyiasatan dan pengesanan kontak mengesahkan tidak ada kontak terdekat bagi kes ini memandangkan beliau dikuarantin sebaik saja tiba ke negara ini dan keseluruhan pengendalian perjalanan semasa ketibaan dan pengasingan diri

mereka telah mengikut Standard Operating Procedure (SOP) yang sedia ada.

Menurut Kementerian Kesehatan lagi, alhamdulillah seramai empat orang dilaporkan sembuh, manakala 11 kes yang sedang menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan adalah dalam keadaan yang baik. Jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 202 orang.

Setakat ini, sebanyak 75 kes import dicatatkan sejak kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 dilaporkan.


Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesehatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 337 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Kementerian Kesehatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 588 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 16,296 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 135 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 116,173 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesehatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes





LUGU, Khamis, 8 April. - Sebanyak 1,000 buah rumah jenis teres akan dibina berserta dengan prasarana asas, seperti bekalan elektrik, air

PERUMAHAN KAMPUNG LUGU FASA 2 BAKAL DIBINA

YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa diberikan taklimat mengenai Projek Perumahan Negara Kampung Lugu Fasa 2 (kiri), manakala gambar kanan, Yang Berhormat semasa memulakan peletakan Batu Asas Projek Perumahan Negara Kampung Lugu Fasa 2.



Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman; Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri, Pembinaan dan Kemajuan), Kementerian Pembangunan, Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang), Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohamad; Pemangku Ketua Kampung Lugu dan Katimahar; Ketua-ketua Jabatan berserta Pegawai-pegawai Kanan di Kementerian Pembangunan; pihak kontraktor dan wakil dari Eco Bumi Arkitek dan Petar Perunding Sendirian Berhad, iaitu perunding yang mengendalikan projek berkenaan.

bersih dan jalan raya penghubung pada Projek Perumahan Negara Kampung Lugu Fasa 2.

Peletakan Batu Asas bagi projek yang bernilai lebih dari BND108 juta itu dijadualkan siap dalam tempoh 24 bulan.

Hari ini, diadakan Majlis Peletakan Batu Asas Projek tersebut yang disempurnakan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Projek Perumahan Negara di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 itu dibangunkan di atas tapak seluas 165 hektar dan pelaksanaan projek tersebut dikendalikan oleh kontraktor dilantik iaitu Swee Sendirian

Berhad. Turut hadir pada majlis tersebut, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar.

Majlis Peletakan Batu Asas berkenaan juga diselenggarakan dengan acara penanaman pokok sebagai inisiatif terhadap perubahan iklim dan sokongan Kempen 26,000 pokok di bawah Protokol Hijau.

COVID-19 : 1 kes import baharu

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa satu kes import baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah kekal seramai 215 orang.

Kes 215 ialah seorang perempuan, berumur 30 tahun, yang tiba ke negara ini dari Bangkok melalui Kuala Lumpur, pada 24 Mac 2021.

Penyiasatan dan pengesanan kontak mendapati satu kontak terdekat bagi kes ini, di mana ujian awal telah menunjukkan kontak ini negatif bagi virus SARS-CoV-2.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, alhamdulillah, 14 kes yang sedang menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan adalah dalam keadaan yang baik. Jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 198 orang.

Setakat ini, sebanyak 74 kes import dicatatkan sejak kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 dilaporkan.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 336 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 554 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 16,230 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 223 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 116,038 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Pelancaran SMS Brunei Prihatin



**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad**

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada Majlis Pelancaran SMS Brunei Prihatin Untuk Tabung Anak-Anak Yatim.

dari aspek pembelajaran dan sebagainya.

Menurut Yang Berhormat lagi, ini adalah strategi-strategi yang akan diubah daripada penggunaan tabung anak-anak yatim, bukan hanya dihulurkan semasa bulan Ramadan atau Syawal sahaja, tetapi kita akan mengubah strateginya agar ia dapat dimanfaatkan oleh anak-anak yatim.

"Dengan sumbangan dari orang ramai ini akan membolehkan beberapa projek untuk dilaksanakan pada tahun ini. Inilah hasrat *kitani* kerana ia adalah amal jariah daripada orang ramai yang dikhususkan kepada anak yatim," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut gembira kerana kali ini tiga buah syarikat telekomunikasi akan menawarkan perkhidmatan bagi SMS Brunei Prihatin berkenaan.

Kutipan derma melalui SMS dilancarkan hari ini dan berlangsung selama 3 bulan, iaitu bermula 8 April 2021 dan berakhir pada 8 Julai 2021.

Oleh yang demikian, orang ramai bolehlah menderma melalui perkhidmatan SMS yang disediakan dengan menaip YATIM (tanpa jarak) dan diikuti dengan jumlah yang hendak didermakan, iaitu 1, 5, 10, 15, 20, 50 atau 100. Sebagai contoh, YATIM20 (bagi derma berjumlah BND20) dan hantar ke 38111 bagi pelanggan DST dan Progresif, manakala bagi pelanggan Imagine hantar ke 39999.

BERAKAS, Khamis, 8 April. - SMS Brunei Prihatin Untuk Tabung Anak-Anak Yatim dihasrat dapat memberi kemudahan kepada orang ramai untuk menghulurkan derma bagi membantu anak yatim di Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran SMS Brunei Prihatin Untuk Tabung Anak-Anak Yatim disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, bertempat di VIP Lounge, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

SMS Brunei Prihatin merupakan projek tahunan yang diungkuhkan bersama oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Jabatan Radio Televisyen Brunei, DST Sdn.

Bhd., Progresif Sdn. Bhd. dan Imagine Sdn. Bhd.

Projek ini bermula sejak tahun 2005 dan sehingga kini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada orang ramai dengan semua kutipan yang diterima disumbangkan kepada Tabung Anak Yatim di bawah kendalian JAPEM.

Yang Berhormat pada majlis tersebut menzahirkan kesyukuran dan mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan yang dihulurkan daripada orang ramai, khususnya untuk anak-anak yatim.

Jelas Yang Berhormat lagi, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melihat bahawa sumbangan yang dihulurkan ini bukan sahaja untuk meraikan Hari Raya Aidilfitri, malah hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya lebih berimpak tinggi, khususnya



PKWE DBM ADAKAN TAHLIL SEKAMPUNG



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (dua, kiri) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tahlil Sekampung Tahun 1442H / 2021M (kiri), manakala gambar kanan, para jemputan yang hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 April. - Bagi memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, Pusat Kegiatan Warga Emas, Daerah Brunei Muara (PKWE DBM), mengadakan Majlis Tahlil Sekampung Tahun 1442H / 2021M bagi ahli-ahli pusat berkenaan. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di PKWE, Perpindahan Lambak Kanan itu ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Saidah binti Haji Wahid @ Burut; Pengurus PKWE, Awang Haji Mohd. Yusof bin Mohd. Salleh dan ahli-ahli pusat

berkenaan.

Bacaan Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh tenaga pengajar PKWE, Awang Haji Mohd. Yady bin Haji Mohd. Yusof yang merupakan Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Majlis Tahlil merupakan acara tahunan PKWE DBM yang bertujuan bagi membudayakan amalan berkeabajikan PKWE, lebih-lebih lagi sebelum

menjelangnya bulan Ramadan yang akan tiba, sekali gus bagi mengenang dan mendoakan kaum keluarga yang kembali ke rahmatullah.

Melalui acara berkeabajikan itu sudah setentunya mengeratkan lagi ukhuwah persaudaraan sesama Muslim, di samping mengharapkan ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Pengundian Penghulu, Ketua Kampung Ukong



MAJLIS Pengundian bagi Jawatan Penghulu Mukim Ukong dan Ketua Kampung Ukong dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong selaku Pengerusi Majlis dan Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

■ **SERAMAI 341** daripada 460 orang yang berdaftar dan layak mengundi hadir di Dewan Sekolah Rendah Dato Pemancha Saging, Ukong bagi mengundi calon tunggal jawatan ketua kampung, iaitu Awang Muhammad Hakimi bin Abdullah Gampar, yang mana 335 daripadanya telah setuju, tiga orang tidak bersetuju dan tiga undi rosak.

■ **SEMENTARA** itu, calon tunggal yang layak bagi mengisikan jawatan Penghulu Mukim Ukong pula ialah Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, berusia 57 tahun dan sebelumnya memegang jawatan Penolong Timbalan Pengetua di Pusat Tingkatan Enam Tutong.

TUTONG, Jumaat, 9 April. - Penduduk Kampung Ukong kini akan diketuai oleh ketua kampung yang baru dilantik berikutan keputusan pada Majlis Pengundian bagi Jawatan Penghulu Mukim Ukong dan Ketua Kampung Ukong yang diadakan hari ini.

Majlis dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Md. Amirul Hadi bin Haji Md. Tajuddin selaku Pengerusi Majlis dan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit selaku Penghulu Mukim Telisai dan Pemangku Penghulu Mukim Ukong.

Seramai 341 daripada 460 orang yang berdaftar dan layak mengundi hadir di Dewan Sekolah Rendah Dato Pemancha Saging, Ukong bagi mengundi calon tunggal jawatan ketua kampung, iaitu Awang Muhammad Hakimi bin Abdullah Gampar, yang mana 335 daripadanya telah setuju, tiga orang tidak bersetuju dan tiga undi rosak.

Awang Muhammad Hakimi berusia 57 tahun dan sebelumnya bertugas sebagai Penyelia Pejabat di Jabatan Daerah Tutong sebelum bersara pada tahun 2019.

Sementara itu, calon tunggal yang layak bagi mengisikan

jawatan Penghulu Mukim Ukong pula ialah Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, berusia 57 tahun dan sebelumnya memegang jawatan Penolong Timbalan Pengetua di Pusat Tingkatan Enam Tutong.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Ukong hari ini adalah khusus bagi penduduk Kampung Ukong, yang mana bagi penduduk di Kampung Bukit dan Kampung Long Mayan serta penduduk Kampung Ukong yang tidak dapat hadir pada majlis hari ini pula akan diadakan pada Ahad, 11 April 2021 bertempat di Dewan Kemasyarakatan Kampung Bukit.

Terdahulu memulakan majlis, bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat diketuai oleh Pemangku Imam Balai Ibadat Hajah Aminah Kampung Long Mayan, Awang Gazali bin Mohd. Ariffin diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Majlis.

Dalam ucapannya antara lain mengucapkan syabas dan terima kasih kepada penduduk kampung yang telah mendaftar dan mengundi dalam jumlah yang ramai dan mereka seharusnya berbangga dengan semangat kekitaan yang telah

Waktu persekolahan semasa bulan Ramadan

Siaran Akhbar :
Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 April. - Kementerian Pendidikan, dengan ini memaklumkan, bahawa waktu-waktu persekolahan semasa bulan Ramadan bagi Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah, Maktab-maktab juga Pusat-pusat Tingkatan Enam, di Seluruh Negara bagi Tahun 1442H / 2021M adalah seperti berikut :

Waktu-waktu persekolahan bagi Sekolah-sekolah Rendah bagi Sesi Pagi adalah dari 7.45 pagi hingga 11.40 pagi.

Manakala waktu-waktu persekolahan bagi Sekolah-sekolah Menengah, Maktab-maktab dan Pusat-pusat Tingkatan Enam bagi Sesi Pagi adalah mulai 7.45 pagi hingga 11.50 pagi; dan Sesi Petang pula, mulai 12.00 tengah hari hingga 4.00 petang (bagi sekolah-sekolah yang mempunyai dua sesi).

Walau bagaimanapun, waktu persekolahan atau pembelajaran bagi murid-murid prasekolah adalah tertakluk pada budi bicara sekolah masing-masing.

ditunjukkan.

Ini, tambahnya, memastikan suara penduduk kampung betul-betul dicerminkan melalui pengundian dan menjalankan tanggungjawab sebagai seorang penduduk untuk mengundi setuju atau sebaliknya.

"Pendapat orang awam yang mana tidak mengundi sekiranya tidak setuju dengan calon yang diundi merupakan pendapat yang perlu diperbetulkan. Ketidakhadiran untuk mengundi bermakna ia tidak dicatat dan tidak mencerminkan suara penduduk-penduduk kampung yang sebenarnya sekiranya tidak ramai yang hadir untuk mengundi," jelasnya.

Sementara itu, Yang Berhormat Awang Haji Ramli dalam ucapannya pula menyatakan majlis tersebut merupakan satu peluang terbaik bagi penduduk Mukim Ukong dan Kampung Ukong untuk menentukan masa depan dengan pilihan dan kerelaan sendiri,

seterusnya menyumbang untuk kemajuan mukim dan kampung dengan tenaga, buah fikiran dan cadangan yang dapat dibincangkan agar hasilnya dapat direalisasikan dan memuaskan hati semua pihak.

Majlis turut diisikan dengan taklimat tatacara pemilihan dan pengundian calon disampaikan oleh Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Jabatan Daerah Tutong, Awang Mohammad Shazry Waliuddin bin Shamsuddin.

Keputusan pengundian akan dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin, Tatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) bagi proses selanjutnya.

Juga hadir, Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong, Pegawai-pegawai Kanan KHEDN dan pemangku-pemangku ketua kampung di bawah Mukim Ukong, Tutong.

PENYUNTIK INSPIRASI, MOTIVASI PELAJAR



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 April. - Seramai 72 orang pelajar terdiri daripada 34 pelajar lelaki dan 38 pelajar perempuan menerima Anugerah Pelajar Cemerlang PSR 5A 2020 Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB), bertempat di dewan sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian anugerah tersebut, Penolong Pengarah Urusan III YSHHB, Dayang Hajah Donaliza binti Abdullah Puasa.

Terdahulu, dalam ucapan alu-aluan daripada Pengetua SR

YSHHB, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi antara lain menyatakan, majlis adalah sebagai penyuntik inspirasi dan motivasi kepada warga sekolah, terutama sekali para pelajar Tahun 6 pada tahun ini untuk terus berusaha dalam mencapai kemajuan dan kejayaan yang cemerlang.

Beliau turut mengongsikan bahawa daripada 133 pelajar yang menduduki PSR pada tahun lepas, seramai 72 pelajar berjaya mendapat keputusan 5A.

Oleh itu tambahnya, terdapat peningkatan sebanyak 8.2 peratus berbanding pada tahun 2019.

CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil antara yang menyertai persembahan tersebut.

"Tidak dapat dinafikan sokongan dan kerjasama yang padu ibu bapa adalah penyumbang yang sangat besar dalam kejayaan semua pelajar hari ini," katanya.

Menurutnya lagi, pada tahun lepas adalah tahun yang sangat mencabar yang disebabkan oleh COVID-19 dan kita perlu beralih ke dalam persekitaran *online* dalam tempoh masa yang singkat.

Kejayaan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian terangnya, tidak akan dapat dilaksanakan tanpa kepakaran, semangat dan kerja keras guru-guru yang berkemahiran dan berpengetahuan dalam bidang ICT.

Guru-guru di sekolah ini tambah beliau, memang berkemahiran dan berpelajaran, seterusnya berjaya melaksanakan pembelajaran secara dalam talian dengan lancar dan sangat berkesan.

Dalam majlis tersebut, ucapan wakil pelajar disampaikan oleh

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

Awang Zayyan Aaryan bin Noorhadzrin.

Majlis juga diserikan lagi dengan Persembahan Bicara Berirama daripada para pelajar SR YSHHB.

Antara yang menyertai persembahan tersebut, cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raihaanah Hanaa-ul Bolqiah binti Pengiran Anak Khairul Khalil.

Majlis seumpama ini adalah bagi menghargai usaha serta pencapaian para pelajar, selain bertujuan untuk memotivasikan para pelajar yang menduduki peperiksaan pada tahun ini.



PENOLONG Pengarah Urusan III YSHHB, Dayang Hajah Donaliza binti Abdullah Puasa hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian anugerah tersebut.

Raih ganjaran pahala dengan majlis keagamaan

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong (empat, kanan) semasa hadir pada majlis keagamaan berkenaan.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

MUARA, Khamis, 8 April. - Sudah menjadi kebiasaan bagi masyarakat Islam kita di negara ini mengadakan Majlis Tahليل dan Doa Arwah bagi kaum keluarga yang sudah kembali ke rahmatullah.

Sehubungan itu, dalam sama-sama mengambil keberkatan pada bulan Syaaban ini, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Majlis Perundingan Kampung



Masjid Lama Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong juga tidak ketinggalan mengadakan majlis keagamaan bagi tahun ini.

Hadir pada majlis yang berlangsung di masjid berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman selaku Ketua

Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong.

Majlis yang diadakan sejurus Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah itu dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dibacakan oleh Imam masjid berkenaan, Awang Md. Faisal bin Awang Fauzi.

Seterusnya, bacaan Tahليل dan

Doa Tahليل dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Nasehin bin Haji Yahya.

Dalam keadaan negara yang agak terkawal berikutan pandemik COVID-19, kita wajar bersyukur kerana dapat melaksanakan aktiviti secara beramai-ramai demi menyemarakkan lagi acara berkebajikan ini.

Namun demikian, pihak penganjur juga menitikberatkan beberapa langkah SOP yang digariskan oleh pihak berwajib demi membendung penularan pandemik berkenaan.

Diharapkan semoga majlis yang penuh berkebajikan ini akan dapat memberikan kita ganjaran pahala yang berlipat ganda dan keberkatan baik kepada mereka yang telah pergi mahupun kita yang masih hidup ini.



SEBAHAGIAN jemaah perempuan yang hadir pada Majlis Tahليل tersebut.

Didik belia mengerjakan sembahyang berjemaah

Dari muka 7

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, diimamkan oleh Imam Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Awang Abdul Raqib bin Haji Awang, diikuti dengan Tazkirah Subuh bertajuk 'Belia Menghidupkan Bulan Ramadan', disampaikan oleh Pegawai Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muhammad Naqib.

Majlis diselenggarakan dengan bacaan Surah Al-Kahfi dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Awang Abdul Hakeem bin Haji Suleiman dan diakhiri dengan Sembahyang Dhuha.

Majlis turut disertai oleh lebih 300 orang, terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, pegawai-pegawai kerajaan, persatuan dan pergerakan belia, belia-belia masjid serta penduduk sekitar Kampung Rataie.

Program berkenaan bertujuan untuk mendidik diri para belia untuk mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid serta memberikan pendedahan kepada para belia dengan mengisi aktiviti yang bermanfaat terutama sekali dalam mengadakan aktiviti-aktiviti keagamaan di masjid-masjid.

Selain Daerah Temburong, program juga dilartakan ke daerah-daerah lain bagi menggalakkan orang ramai terutamanya para belia mengimarahkan masjid.

MANTAPKAN KEFAHAMAN KONSEP RU'YAH MUHAQQAQAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 April. - Mahkamah-Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri, hari ini, mengadakan Sesi Munaqasyah berhubung : Konsep Ru'yah Muhaqqaqah di Garisan Matla' sebagai Asas Pembentukan Taqvim Hijri Global selama sehari.

Sesi Munaqasyah tersebut diadakan di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-mahkamah Syariah juga dihadiri oleh lebih kurang 43 orang, terdiri daripada Hakim-hakim Syar'ie, Pendaftar-pendaftar, Pegawai-pegawai Mahkamah-Mahkamah Syariah, wakil-wakil daripada Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei dan Bahagian Antarabangsa juga MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan daripada Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan.

Turut hadir mengikuti Sesi Munaqasyah, Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Awang Haji Besar.

Sesi Munaqasyah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa dibacakan oleh



YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie (depan, enam dari kiri) antara yang menyertai Sesi Munaqasyah berhubung : Konsep Ru'yah Muhaqqaqah di Garisan Matla' sebagai Asas Pembentukan Taqvim Hijri Global.

Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, Tuan Abdul Hadi bin Ali.

Sesi Munaqasyah tersebut turut menjemput seorang pembentang daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), yang

mempunyai kepakaran berkaitan mengenai Ru'yah Muhaqqaqah, iaitu Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'e, UNISSA, Profesor Madya Dr. Ibror Azli bin Ibrahim.

Antara tujuan dan objektif

Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Rayuan Syariah

bengkel ini diadakan untuk membincangkan dan memantapkan kefahaman tentang Konsep Ru'yah Muhaqqaqah, menurut Al-Quran dan Sunnah dari sudut Astrofiqh.

Jalankan tugas, tanggungjawab dengan amanah



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama (kiri) menyempurnakan Penyerahan Tauliah kepada Amil-amil yang Dilantik.

KILANAS, Khamis, 8 April. - Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), baru-baru ini, pada 5 April 2021 memperkenalkan satu kaedah atau cara alternatif bagi Pembayaran Zakat Fitrah, iaitu Perkhidmatan Pembayaran Zakat Fitrah secara dalam talian (*online*).

Pembayaran Zakat Fitrah secara *online* ini, bukanlah satu yang baharu dan sudah pun diguna pakai di banyak negara jiran *kitani*, juga ia adalah satu cara atau kaedah bersistematik bagi MUIB dalam era pendigitalan ini, bertujuan untuk memudah cara urusan dan menjimatkan masa bagi orang ramai yang membuat pembayaran zakat.

Walaupun Pembayaran Zakat Fitrah secara *online* diperkenalkan, kaedah tradisional, iaitu Pembayaran Zakat Fitrah melalui Amil-amil adalah masih tetap relevan dan akan masih tetap berjalan, sepertimana di tahun-tahun sebelumnya.

Perkara tersebut dijelaskan, oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin

Pengiran Haji Bahar selaku Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam semasa menyampaikan ucapannya pada Majlis Penyampaian Tauliah Amil Zakat Fitrah dan Harta kepada Amil-amil yang Dilantik Seluruh Negara bagi Tahun 1442 Hijrah - 1443H / 2021 Masihi - 2022M, berlangsung di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kampung Bebatik, Mukim Kilanas, di sini.

Yang Mulia juga menjelaskan, para amil yang dilantik dan akan menerima tauliah lantikan masing-masing berkenaan adalah dengan mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Ia merupakan satu amanah dan kepercayaan yang diberikan kepada *abiskita* semua para Amil bagi membolehkan *abiskita* melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengutip zakat, di negara ini, mengikut kawasan masing-masing dengan penuh tanggungjawab serta patuh mengikut peraturan dan

arahan-arahan yang diberikan dalam melaksanakan tugas mengutip zakat itu.

"Saya berharap para Amil akan mengambil kesempatan untuk membaca dan mengulang kaji buku 'Garis panduan Tugas dan Tanggungjawab Amil', yang diterbitkan oleh Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU)," ujar Yang Mulia.

Seterusnya, Yang Mulia juga turut menasihatkan dan menyeru para Amil sekalian, hendaklah sentiasa mengambil ingatan untuk menjalankan tugas juga tanggungjawab yang diberikan ini dengan penuh amanah dan bertanggungjawab.

Pada majlis berkenaan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, seterusnya dijemput untuk menyempurnakan Penyerahan Tauliah kepada Amil-amil yang Dilantik.

Juga hadir, Pengarah-pengarah, Penolong-penolong Pengarah dan Pegawai-pegawai Kanan di bawah KHEU; Pegawai-pegawai daripada Jabatan Majlis Ugama Islam; juga Pegawai-pegawai daripada

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB); Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB); dan Pegawai Bomba dan Penyelamat.

Sejak berkuat kuasanya Peraturan Zakat dan Fitrah 1969 ini, Majlis Ugama Islam melantik Amil-amil, yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Masjid, Imam-imam, Bilal-bilal, Ketua-ketua Kampung, Guru-guru Ugama, Pegawai-pegawai Beruniform daripada ABDB, PPDB, Pegawai Bomba dan Penyelamat juga kakitangan kerajaan yang bersesuaian.

Pada tahun ini, seramai 349 Amil dilantik bagi 140 kawasan tempat mengutip zakat, di seluruh negara, iaitu DBM, seramai 203 Amil bagi 79 kawasan; Daerah Belait seramai 24 Amil bagi 15 kawasan; Daerah Tutong seramai 51 Amil bagi 29 kawasan; dan Daerah Temburong seramai 26 Amil bagi 13 kawasan.

Manakala di Jabatan Majlis Ugama Islam dilantik seramai 45

Amil bagi keempat-empat daerah mengutip zakat, yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan jabatan tersebut.

Tempat-tempat pengutipan dan pembayaran zakat dilakukan di Masjid-masjid, Surau-surau, Balai-balai Ibadat, Rumah-rumah Amil (terdiri daripada Ketua-ketua Kampung yang berkenaan); di Pejabat Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Jabatan Majlis Ugama Islam, DBM; juga Cawangan-cawangan Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, di Pejabat-pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong.

Selain itu, Institusi-institusi Kewangan Islam, seperti Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) juga sedia ada dilantik sebagai Amil, khusus bagi mengutip Zakat Harta sahaja, iaitu bagi menyimpan di institusi-institusi kewangan.



ANTARA yang hadir pada Majlis Penyampaian Tauliah Amil Zakat Fitrah dan Harta kepada Amil-amil yang Dilantik Seluruh Negara bagi Tahun 1442 Hijrah - 1443H / 2021 Masihi - 2022M.

40 ANAK YATIM, DAIF TERIMA SUMBANGAN DERMA

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 9 April. - Agama Islam mengajar kita untuk sentiasa menanamkan dalam diri kita sifat-sifat mahmudah, iaitu sifat-sifat terpuji, seperti berbuat baik, ikhlas, prihatin, pemedulian, memberikan pertolongan kepada mereka yang memerlukan dan sebagainya.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan kepada hamba-Nya supaya sentiasa tolong-menolong dan bantu-membantu ke arah perkara yang berkebaikan.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku tetamu kehormat majlis pada Majlis Penyampaian Derma Kepada Anak-Anak Yatim dan Daif, yang berlangsung di Soto Pabo, Kampung Pintu Malim.

"Peramba / saya percaya masyarakat kita adalah masyarakat pengasih, iaitu kaya dengan sifat pemedulian dan kasih sayang, penuh simpati dan bertanggungjawab terhadap orang-orang daif, iaitu yang memerlukan, termasuk anak yatim. Ini terbukti banyak pihak berusaha untuk menghulurkan dan

mengumpulkan dana bagi memberi bantuan kepada mereka sama ada daripada pihak kerajaan, swasta ataupun persendirian.

"Justeru, majlis pada pagi ini adalah suatu amalan yang berkebaikan dan seharusnya menjadi amalan yang berterusan untuk kita laksanakan selaras dengan tuntutan dan galakkan kita ajaran agama Islam yang suci," ujar Yang Mulia lagi.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pengiran Aliuddin bin Pengiran Haji Jamaluddin, diikuti dengan bacaan Surah Al-Baqarah, ayat 215 hingga 220 yang dibacakan oleh Awang Muhammad Wajdi 'Abqari bin Haji Md. Junaidi, disusuli dengan persembahan Ratib Al-Attas.

Majlis juga diselenggarakan dengan Majlis Bertahlil untuk ahli-ahli keluarga, kaum Muslimin serta Muslimah yang telah kembali ke rahmatullah dan Doa Kesyukurannya yang dipimpin oleh Pengiran Aliuddin.

SEBAHAGIAN daripada anak-anak yatim dan daif yang hadir.

Dalam majlis tersebut, tetamu kehormat juga turut menyempurnakan penyampaian derma kepada 40 anak yatim dan daif dari Daerah Brunei dan Muara.

Majlis yang diadakan sempena kedatangan bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri 1442 Hijrah / 2021 Masihi anjuran Kumpulan Insan Seni Negara Brunei Darussalam itu, antara lain bertujuan sebagai salah satu acara tahunan kumpulan tersebut dalam menghulurkan sumbangan kepada para penerima agar meringankan keperluan penerima, di samping



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyempurnakan penyampaian derma kepada penerima.

memperudahkan orang ramai untuk meraih pahala.

Sumbangan yang diberikan diperoleh daripada Ahli-ahli

Kumpulan Insan Seni, ahli-ahli keluarga mereka

dan kawan-kawan serta syarikat-syarikat tertentu.



Menyemarakkan ketibaan bulan Ramadan



SETIAUSAHA Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Juru-tulis Majlis-Majlis Mesyuarat (tengah) semasa hadir pada majlis tersebut. Juga hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 April. - Kurang seminggu sahaja lagi, seluruh umat Islam di dunia akan menunaikan Rukun Islam ketiga, iaitu berpuasa pada bulan Ramadan.

Sehubungan dengan itu, bagi menyemarakkan ketibaan bulan Ramadan, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat menganjurkan Majlis Ceramah Awal Ramadan, bertempat di Dewan Bankuet,

ANTARA yang hadir pada Majlis Ceramah Awal Ramadan, bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ak. Mohd. Aminol
Adi Azraie Pg. Nikman

Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis.

Hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Juru-tulis Majlis-Majlis Mesyuarat, Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar.

Majlis diserikan dengan ceramah yang bertajuk 'Menghayati Ramadan Dalam Norma Baharu' yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Mohammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit.

Isi kandungan ceramah antara lain menyentuh mengenai sembahyang sebagai ibadat yang menduduki tempat tertinggi dan seandainya seseorang Muslim itu taat mendirikan sembahyang fardu sebanyak lima kali sehari, bermakna dia seolah-olah menegakkan agamanya.

"Solat mengandungi falsafah atau hikmah tersendiri yang perlu kita hayati. Solat perlu ditafsirkan sebagai jalan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala untuk membimbing manusia supaya sentiasa menghargai dan menepati masa.

"Menerusi ibadat solat, ia mengajar kita supaya bijak menguruskan masa, selain memberi makna kita berusaha untuk menjadi mukmin yang



CERAMAH disampaikan oleh Penolong Pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Mohammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit.

berpegang kepada amanah dan menepati janji kepada Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya.

Selain menyemarakkan ketibaan bulan Ramadan, khususnya di antara pegawai dan kakitangan di Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, ia juga bertujuan untuk memberikan ilmu pengetahuan dan penjelasan berkaitan persediaan menjalani ibadah pada bulan Ramadan ini serta dapat mengeratkan lagi ukhuwah sesama umat Islam dan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala.


Juga hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

JUMLAH PERDAGANGAN JANUARI 2021 MENURUN 25.1 PERATUS

Prestasi Perdagangan Bagi Negara Brunei Darussalam



Peratus Taburan Eksport Mengikuti Rakan Dagangan



Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 April. - Pada bulan Januari 2021, Negara Brunei Darussalam (NBD) mencatatkan nilai jumlah perdagangan sebanyak BND1,352.6 juta, iaitu penurunan sebanyak 25.1 peratus daripada BND1,805.6 juta, pada bulan yang sama, tahun 2020.

Manakala, bagi perubahan bulan-ke-bulan, jumlah perdagangan bagi bulan Januari 2021 menurun sebanyak 10.8 peratus, berbanding Disember 2020.

Jumlah eksport menurun sebanyak 45.7 peratus tahun-ke-tahun kepada BND649.9 juta, berbanding BND1,196.8 juta, pada Januari 2020.

Ini disebabkan, terutamanya oleh penurunan Eksport Bahan Api

Galian kepada BND542.2 juta (Januari 2021) daripada BND1,047.4 juta (Januari 2020).

Penurunan Eksport Bahan Api Galian adalah disebabkan oleh penurunan Eksport Minyak Mentah kepada BND146.6 juta (Januari 2021) daripada BND278.7 juta (Januari 2020) dan penurunan Gas Cecair Asli (LNG) kepada BND250.1 juta (Januari 2021) daripada BND370.0 juta (Januari 2020).

Penurunan Eksport Minyak Mentah dan LNG tersebut adalah disebabkan oleh permintaan global yang perlahan dan penurunan harga.

Jumlah isi padu Eksport Minyak Mentah menurun kepada 65.05 ribu tong sehari (Januari 2021) daripada 94.54 ribu tong sehari (Januari 2020), sementara purata

harga Eksport Minyak Mentah menurun kepada USD55.90 setong (Januari 2021) daripada USD70.57 setong (Januari 2020).

Manakala bagi LNG, purata harga eksport menurun kepada USD7.04 per MMBtu (Januari 2021) daripada USD10.37 per MMBtu (Januari 2020), sementara itu, jumlah isi padu Eksport LNG juga menurun kepada 865,025 MMBtu sehari (Januari 2021) daripada 881,175 MMBtu sehari (Januari 2020).

Dari segi komoditi mengikut seksyen, Bahan Api Galian merupakan penyumbang utama kepada Eksport NBD sebanyak 83.4 peratus, diikuti dengan Kimia (12.6 peratus), Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (2.2 peratus), Barang-barang Keluaran Kilang (0.7 peratus) dan Pelbagai Barang Keluaran Kilang (0.6 peratus).

Pasaran eksport utama pada bulan Januari 2021 adalah Jepun (38.0 peratus) diikuti oleh Singapura (20.8 peratus) dan

Republik Rakyat China (13.2 peratus).

Bagi import, jumlah nilai menunjukkan peningkatan kepada BND702.7 juta (Januari 2021) daripada BND608.8 juta (Januari 2020) terutamanya disebabkan oleh peningkatan Import Bahan Api Kelengkapan Pengangkutan oleh syarikat-syarikat pelaburan langsung asing sebagai input kepada pengeluaran dan bagi kegunaan pembinaan.

Lima komoditi import utama, pada bulan ini, adalah Bahan Api Galian (45.3 peratus), diikuti oleh Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (23.6 peratus), Makanan (9.1 peratus), Kimia (8.1 peratus) dan Barang-barang Keluaran Kilang (7.6 peratus).

Mengikut Kategori Penggunaan Akhir, Import Barang Perantara menyumbang sebanyak 57.5 peratus dari jumlah import, diikuti oleh Import Barang Modal (37.1 peratus) dan Barang Penggunaan

(5.4 peratus).

Dari segi import mengikut rakan dagangan, sumbangan terbesar adalah dari Emiriah Arab Bersatu (33.7 peratus), diikuti oleh Malaysia (24.1 peratus) dan Singapura (11.0 peratus).

Mengikut mod pengangkutan, pada bulan Januari 2021, peratus yang tertinggi adalah mod pengangkutan laut berjumlah BND1,247.1 juta (92.2 peratus). Ini, diikuti oleh pengangkutan udara (BND69.6 juta atau 5.1 peratus) dan melalui darat (BND35.8 juta atau 2.6 peratus).

Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa (International Merchandise Trade Statistics, IMTS) bagi Negara Brunei Darussalam menggunakan 'General System' bagi merekodkan perangkaan perdagangan, yang meliputi import, eksport domestik dan eksport semula.

Laporan penuh IMTS bagi Januari 2021, boleh didapati melalui Laman Sesawang JPES di www.deps.gov.bn.



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 9 April. - Sepertimana pada lazimnya setiap tahun, menjelang bulan Ramadan, Yayasan Sultan Haji Hassanalk Bolkiah (YSHHB) sebagai wadah amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalk Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat baginda akan

mengendalikan pengagihan buah kurma sebagai Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada seluruh umat Islam di negara ini.

Pada tahun ini, sejumlah 154.5 tan metrik buah kurma jenis Safawy yang dibekalkan oleh Al Madinah Dates Company, Arab Saudi akan dibahagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk yang

Pengagihan buah kurma secara berperingkat



beragama Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan tidak mengandahkan umur dan taraf kerakyatan iaitu setiap seorang Islam akan menerima satu kotak kecil yang mengandungi 300 gram.

Pengendalian pengagihan buah Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi bulan Ramadan 1442H / 2021M kepada seluruh umat Islam di seluruh negara akan bermula pada Jumaat, 26 Syaaban 1442H bersamaan 9 April 2021.

Pengagihan kurma kurnia peribadi ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di sepanjang bulan Ramadan bagi membolehkan seluruh umat Islam di negara ini menikmati Kurma Kurnia Peribadi Kebawah DYMM sebagai juadah berbuka puasa.

Bagi memastikan kelancaran pengendalian pengagihan buah kurma kurnia peribadi ini, YSHHB melartakan lokasi pengagihan iaitu 1) Orang ramai adalah melalui ketua-ketua kampung masing-masing; 2) Penjawat awam

Siaran Akhbar dan Foto :
Yayasan Sultan Haji Hassanalk Bolkiah

SUASANA pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri dan di Kementerian Pembangunan (kiri sekali dan kiri).

adalah melalui kementerian dan jabatan masing-masing dan 3) Pegawai dan kakitangan syarikat swasta yang berdaftar adalah melalui syarikat masing-masing.

YSHHB sangat-sangat mengharapkan sokongan dan kerjasama padu daripada semua pihak dalam melancarkan urusan pengendalian pengagihan buah kurma kurnia peribadi sepertimana yang diharapkan.

PERSEDIAAN SEBELUM MENJELANG RAMADAN AL-MUBARAK



dipertemukan lagi dengan bulan yang mulia, bulan yang penuh rahmat, bulan keampunan dan bulan yang dirindui oleh seluruh umat Islam di segenap pelosok dunia iaitu bulan Ramadan Al-Mubarak. Pada bulan inilah kita umat Islam diwajibkan berpuasa. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 183 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa".

Menjelangnya bulan Ramadan Al-Mubarak ini, kita dianjurkan untuk mempersiapkan diri, antaranya :

Pertama : Mempertingkatkan amal ibadat seperti memperbanyakkan Puasa Sunat, memperbanyak sembahyang sunat, membaca Al-Quran, berzikir, beriktikaf, Qiamullail dan seumpamanya.

Kedua : Meneladani ilmu agama khususnya dalam perkara ibadat puasa seperti hukum-hukum puasa dan adab-adabnya.

Ketiga : Mengqada Puasa Wajib iaitu bagi mereka yang belum selesai atau habis mengqada puasa mereka. Setiap orang mukalaf yang meninggalkan Puasa Ramadan sama ada disebabkan keuzuran seperti sakit, musafir, haid, nifas, hamil dan berbuka puasa tanpa keuzuran adalah diwajibkan untuk mengqada puasa sebanyak hari yang telah ditinggalkannya itu.

Selain itu, orang-orang yang benar-benar tidak terdaya untuk mengqada puasa seperti orang sakit yang tidak ada harapan untuk sembuh. Mereka tidak

diwajibkan untuk mengqada puasa yang ditinggalkannya itu, akan tetapi wajib bagi mereka untuk membayar fidyah sebagai ganti puasa yang ditinggalkannya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 184 :

Tafsirnya : "Iaitu beberapa hari yang tertentu. Maka sesiapa antara kamu yang sakit dalam musafir (bolehlah dia berbuka, jika dia berbuka) maka wajblah dia berpuasa sebanyak (hari yang dia berbuka) itu pada hari-hari yang lain. Dan wajib ke atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Tetapi sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih daripada yang ditentukan itu maka itu adalah suatu kebaikan baginya dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada membayar fidyah), jika kamu mengetahuinya".

Bagi sesiapa yang masih belum mengqada Puasa Ramadan pada tahun lepas

ataupun sebelumnya, maka bersegeralah mengambil kesempatan mengqadanya pada bulan Syaaban ini agar tidak terkena dari membayar fidyah. Fidyah bererti bayaran denda yang dikenakan kepada seseorang kerana tidak berpuasa Ramadan dengan sebab-sebab tertentu atau kerana orang itu melambat-lambatkan mengqada Puasa Ramadan yang ditinggalkannya itu sehingga masuk Ramadan berikutnya.

Oleh itu, jika kita masih mempunyai qada Puasa Ramadan yang lalu dan belum

ditunaikan, maka tunaikanlah hutang-hutang puasa itu semasa kita masih sihat dan bertenaga sebelum tibanya bulan Ramadan. Bersempena bulan Ramadan yang bakal menjelang ini, marilah kita sama-sama merafakkan segala puji dan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan kudrat dan iradatNya jua, kita pada tahun ini dapat menyambut kedatangan bulan Ramadan Al-Mubarak meskipun pada masa kini, seluruh dunia masih bergelut dengan penularan wabak pandemik COVID-19.

Oleh yang demikian, kita semua janganlah alpa dari mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Janganlah kita terlalu berasa selesa dan leka dengan pengurangan langkah-langkah sekatan yang telah dimulakan. Ini kerana walaupun jangkitan COVID-19 di negara kita adalah dalam keadaan terkawal, namun kita masih juga dalam ancaman wabak tersebut. Semoga dengan tibanya Ramadan pada tahun ini, kita akan dapat melaksanakan amal ibadat dengan sempurna dan mendapat ganjaran dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Sesiapa yang mengerjakan amalan yang soleh sama ada laki-laki atau perempuan, sedang dia orang yang beriman, maka sesungguhnya Kami sudah tentu akan menghidupkannya dengan kehidupan yang baik dan Kami sudah tentu akan mengurniakan mereka dengan ganjaran yang lebih baik daripada apa yang mereka telah kerjakan". (Surah An-Nahl, ayat 97)

Usaha menambah permata Al-Hafiz, Al-Hafizah Al-Quran negara



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (lima, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1442 Hijrah.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 April. - Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1442 Hijrah diteruskan lagi di Dewan Kuliah, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (ITQSHHB), di sini, dengan mempertandingkan Kategori 'A'.

Seramai lima peserta layak bertanding dalam Peringkat Akhir bagi kategori tersebut, dari seramai 93 peserta yang bertanding, di peringkat saringan.

Lima peserta yang memperdengarkan bacaan masing-masing bagi Kategori 'A',

Awang Abdul Matin bin Zulfarein dari Sekolah Arab Rimba, Perumahan Negara Kampung Rimba; Dayang Nur Izzah Insyirah binti Md. Bahrin dari Sekolah Al-Falaah, Jalan Kebangsaan, Sungai Akar; Dayang Nur Soffiyah Solehah binti Mohammad Fikri dari Sekolah Al-Falaah, Ban 5, Mulaut; Dayang Nur'Aliyah Amani binti Muhammad Al-Ameen dari Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan; dan Sahrifah Ayesha Al-Insyirah binti Shaikh Sharul Azhar dari ITQSHHB.

Para peserta dikehendaki untuk menghafaz satu juz, iaitu Juz 30 dan pemahaman Surah

Al-Ghaasyiyah, Surah Al-Fajr, Surah Adh-Dhuha dan Surah Al-Qadr.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Terdahulu itu, Pemangku Pengarah Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Pengiran Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, dalam ucapan alu-aluannya, antara lain berkata, Musabaqah Menghafaz Al-Quran berserta Pemahamannya adalah projek tahunan KHEU, Negara Brunei Darussalam (NBD) yang dikendalikan oleh Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS dan ITQSHHB.

Pemangku Pengarah Pusat



PARA peserta yang ikut bertanding semasa memperdengarkan bacaan mereka (atas dan atas kanan).



Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Pengiran Haji Amiruddin, yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Musabaqah tersebut, seterusnya menjelaskan, tujuan musabaqah itu dilaksanakan ialah untuk menyemai dan memupuk rasa minat menghafaz Al-Quran dalam kalangan para pelajar di peringkat rendah, menengah, institusi pengajian tinggi, para belia, pegawai, kakitangan, di sektor kerajaan dan swasta juga memahami isi kandungan Al-Quran.

Tambahnya, ia adalah salah satu aktiviti berterusan ke arah menambah permata Al-Hafiz juga Al-Hafizah Al-Quran di NBD dan lebih daripada itu, ia juga sebagai satu saham pahala yang menjanjikan ganjaran pahala al-hasanah dan keberkatan al-barakah, yang berlipat ganda

atas amalan dalam memuliakan dan memartabatkan kitab suci Al-Quran.

"Dikongsikan bersama, bahawa pada tahun ini, seramai 298 peserta telah mendaftar untuk mengikuti musabaqah ini. Mereka telah dinilai / disaring melalui peringkat saringan, pada bulan Januari lalu dan seramai 60 peserta telah layak ke Peringkat Separuh Akhir yang mencapai markah 65 peratus ke atas. Peringkat Separuh Akhir telah dilaksanakan pada awal bulan Mac yang lalu. Dan hasilnya seramai 25 peserta telah layak mara ke Peringkat Akhir, dengan menampilkan lima peserta bagi setiap kategori dan keputusannya akan diumumkan dalam Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1442 Hijrah pada bulan Ramadan yang akan datang," jelasnya lagi.

SUNTIK SEMANGAT USAHAWAN BELIA

SETIAUSAHA Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hadir menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Penyewaan Inkubasi Belia anjuran Pusat Pembangunan Belia.

Siaran Akhbar dan Foto :
Pusat Pembangunan Belia

BERAKAS, Rabu, 7 April. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Majlis Menandatangani Perjanjian Penyewaan Inkubasi Belia anjuran Pusat Pembangunan Belia (PPB) di Bilik Mesyuarat At-Taufiq, Tingkat 6, KKBS, Negara Brunei Darussalam, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

PPB mula melaksanakan Program Inkubasi PPB semenjak tahun 2019 dengan memberikan kemahiran kepada golongan sasaran dan seterusnya insentif *micro-grant* juga tempat berniaga bagi para belia yang memilih keusahawanan sebagai trajektori kerjaya mereka.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Haji Masfourteen bin Haji Mohd. Yusof dan diteruskan dengan Acara Menandatangani Perjanjian Penyewaan Inkubasi Belia Bagi Tujuh Buah Syarikat

Inkubasi.

Majlis Menandatangani Perjanjian Penyewaan Inkubasi Belia adalah kesinambungan daripada Majlis Penyerahan Micro-Grant yang telah dilaksanakan pada 3 Oktober 2020 kepada tujuh buah syarikat inkubator iaitu Kemari Farm Enterprise, Cerita Fabriku, Siege Pollyfox Enterprise, Perusahaan Mazroni BKP dan Rakan-Rakan, BARBERKU, Gentleman Stitch Enterprise dan KOPPB Minimart.

Di antara tujuan insentif *micro-grant* diberikan oleh KKBS adalah untuk memberikan bantuan kewangan kepada para usahawan belia serta golongan sasaran untuk memulakan perniagaan (*business start-up*), menyuntik semangat para usahawan belia dan golongan sasaran untuk memilih bidang keusahawanan sebagai bidang kerjaya mereka dan menggunakan platform-platform yang telah disediakan oleh pihak kementerian untuk menjalankan serta mengembangkan perniagaan dengan kadar bayaran yang rendah.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 April. - Walaupun sudah berkali-kali keluar masuk penjara atas kesalahan jenayah dan narkotik, namun hukuman tersebut belum dapat menyedarkan dua lelaki penganggur daripada mengulangi kesalahan lamanya itu.

Dua lelaki warga tempatan tersebut masing-masing di penjara tiga tahun, empat bulan dan tiga sebatan oleh Mahkamah Perantaraan kerana mencuri dan menyimpan barang curi.

Muhammad Aiman bin Morni, 23, mengaku bersalah terhadap lima pertuduhan dan Ishkandar Dzulkarnain bin Mohd Suffian, 25, mengaku bersalah terhadap empat pertuduhan dan diperintah oleh Hakim Hajah Hazarena binti POKSJ DP Haji Hurairah untuk menjalani hukuman penjara dari tarikh mereka direman pada 18 Mac 2021.

Bagi pertuduhan pertama, Muhammad Aiman dan Ishkandar Dzulkarnain didakwa menyimpan barang curi iaitu satu jam tangan jenama G-Shock dan pertuduhan kedua tertuduh didakwa mencuri sebuah basikal perempuan berwarna hitam dan merah jambu Kayaba Shock Absorber dan sebuah basikal lelaki berwarna hitam dan hijau.

Bagi pertuduhan ketiga tertuduh di dakwa melakukan curi di sebuah rumah di Utara Panaga Setia dan mencuri sebuah basikal jenama Bros. Bagi pertuduhan keempat tertuduh didakwa menyimpan barang curi,



Padah tidak serik lakukan jenayah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

pertuduhan kelima tertuduh melakukan curi iaitu satu kamera Canon Eos 100D, satu kamera lens jenama Tamron, sebuah basikal jenama Merida, satu laptop jenama Apple Mac Book, satu televisyen jenama Apple manakala pertuduhan keenam, tertuduh di dakwa melakukan pecah rumah dengan niat curi.

Dalam rayuan mereka, tertuduh berkali-kali memohon maaf dan meminta mahkamah mengurangkan hukuman dengan alasan ingin menguruskan segala dokumen anak yang baru lahir dan menjaga ibu yang sudah tua.

Walau bagaimanapun, selepas mengambil kira kepentingan awam hukuman ke atas tertuduh adalah memadai. Hakim menolak rayuan tertuduh dan mengekalkan hukuman Mahkamah Perantaraan ke atas mereka berdua.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Firdaus bin Haji Mohammad dan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Hidayatul Aeny Alisah binti Haji Zullizam memohon hukuman berat dengan alasan ia adalah kesalahan serius dan berulang-ulang kerana kejadian ini berlaku di tempat awam.

Akibat perbuatan tidak senonoh : Dipenjara 9 bulan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 8 April. - Disebabkan perbuatan yang tidak senonoh, seorang lelaki, warga tempatan, mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman sembilan bulan penjara, di Mahkamah Majistret, di sini.

Awang Haji Sujairi bin Haji Salleh (defendan) juga Jurulatih Gim di Haz Fitness Studio, didakwa atas kesalahan merakam video seorang remaja perempuan yang sedang mandi (mangsa).

Dalam kenyataan Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Fitri binti Kiprawi, defendan tinggal di tempatnya bekerja, di Batu Besurat dan ditangkap pada 24 Mac 2021.

Mangsa merupakan anak kepada teman wanita defendan,

yang juga tinggal bersebelahan dengan tempat tinggal defendan dalam bangunan yang sama.

Semasa kejadian 24 Mac 2021, sekitar jam 1.45 petang, defendan berada di rumah sewa tersebut untuk menghantar mangsa ke rumah neneknya di Kampung Sinaut.

Ketika itu, mangsa, berumur 14 tahun, sedang mandi di bilik ibunya.

Defendan terus mengintip mangsa yang sedang mandi, lalu merakamnya menggunakan telefon bimbit dalam masa selama 15 saat.

Kemudian, defendan menonton rakaman video mangsa tersebut sebelum menghapuskan rakaman video berkenaan sebelum perbuatannya diketahui oleh teman wanitanya.

Perilaku defendan disedari oleh teman wanitanya setelah mendapati perbuatan defendan melalui aplikasi yang membolehkan gambar video tersebut dapat ditonton semula.

Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid menjalankan hukuman tersebut, di bawah Seksyen 377H (3) Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22.

Oleh :
Nooratini Haji Abas

Pendaftaran Program Vaksinasi bagi pelajar akan dibukakan

Siaran Akhbar :
Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan

- **PENDAFTARAN** bagi mengikuti Program Vaksinasi Kebangsaan COVID-19 akan dibukakan.
- **PENUNTUT-penuntut berkenaan yang akan melanjutkan pengajian ke luar negeri hendaklah terlebih dahulu membuat dan mengemas kini pendaftaran melalui Kementerian Pendidikan.**

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 9 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan orang ramai bahawa pendaftaran bagi penuntut-penuntut tempatan (Warganegara Brunei Darussalam) dan penuntut warga asing yang akan melanjutkan pengajian ke luar negeri untuk mengikuti Program Vaksinasi Kebangsaan COVID-19 akan dibukakan.

Penuntut-penuntut berkenaan yang akan melanjutkan pengajian ke luar negeri hendaklah terlebih dahulu membuat dan mengemas kini pendaftaran melalui Kementerian Pendidikan dengan melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn atau pautan <https://bit.ly/3qsLcdD>.

Seterusnya, Kementerian Kesihatan telah pun menetapkan syarat-syarat bagi penuntut-penuntut tersebut yang ingin mengikuti Program Vaksinasi Kebangsaan COVID-19, iaitu pemberian vaksin COVID-19 akan diberikan mengikut keutamaan tertakluk kepada tarikh-tarikh dijangka akan meninggalkan Negara Brunei Darussalam; pemberian vaksin COVID-19 hanya akan diberikan kepada penuntut yang akan ke luar negeri dalam tempoh satu bulan ke atas yang akan datang, ini adalah untuk memastikan mereka menerima dua dos vaksin bagi mendapatkan perlindungan terbaik; hendaklah berumur 18 tahun ke atas; dan hanya diberikan kepada yang mempunyai akaun Bru-HIMS.

Bagi mereka yang belum membuat pendaftaran akaun Bru-HIMS boleh membuat pendaftaran di klinik atau hospital kerajaan terdahulu sebelum membuat perjanjian atau datang ke Pusat Vaksinasi yang telah pun dikhususkan untuk memudahkan proses pemberian vaksin; pemberian vaksin tertakluk kepada pusat-pusat vaksinasi yang telah dikenal pasti. Mereka akan menerima pesanan ringkas (SMS) bagi tarikh, jam dan lokasi pusat vaksinasi yang dikenal pasti.

PPNBD serah sumbangan wakaf



PERSEKUTUAN Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Program Kebajikan dan Kemasyarakatan PPNBD mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan Wakaf yang disempurnakan penyampaiannya oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali kepada dua pasukan Program Kebajikan dan Kemasyarakatan PPNBD dan diserahkan kepada sebahagian masjid dan surau, di keempat-empat daerah, di seluruh negara (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto :
Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

GADONG, Rabu, 7 April. - Brunei Darussalam (PPNBD) Persekutuan Pengakap Negara melalui Program Kebajikan dan



Kemasyarakatan PPNBD mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan Wakaf yang diadakan di Ibu Pejabat PPNBD, di sini.

Turut hadir bagi menyempurnakan penyampaian sumbangan wakaf tersebut ialah Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali.

Sumbangan wakaf yang berupa kerusi-kerusi lipat di mana telah diterima dari hamba-hamba Allah dan telah diserahkan kepada dua pasukan Program Kebajikan dan Kemasyarakatan PPNBD untuk diserahkan kepada sebahagian masjid dan surau, di keempat-empat daerah, di seluruh negara.

Selain itu, penyerahan sumbangan wakaf ini juga bertujuan untuk mengambil keberkatan sempena kedatangan bulan Ramadan yang tidak lama lagi menjelang tiba.

SECARA KESELURUHAN VAKSIN ASTRAZENECA ADALAH SELAMAT, BERKESAN

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 April. - Jawatankuasa Teknikal Vaksinasi COVID-19 masih memantau beberapa banyak maklumat melalui daripada maklum balas orang ramai dan profesional penjagaan kesihatan mengenai potensi simptom yang mungkin berkaitan dengan Vaksin COVID-19, AstraZeneca.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pengerusi Pakar Geriatrik dan Perubatan bagi Jawatankuasa Penasihat Keselamatan Ubat, Negara Brunei Darussalam, Dr. Shyh Poh Teo semasa temu bual bersama pengamal media, yang berlangsung di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Dr. Shyh Poh Teo, orang ramai boleh menyalurkan maklumat melalui aplikasi BruHealth sekiranya mereka mengalami beberapa gejala atau kebimbangan selepas menerima suntikan dos vaksin tersebut.

Tambahnya lagi, jika para profesional penjagaan kesihatan mendapati ia mungkin berpunca daripada vaksin, pihak Jawatankuasa Teknikal Vaksinasi COVID-19 akan mengambil maklumat-maklumat tersebut dan akan menghantar laporan-laporan



PENGERUSI Pakar Geriatrik dan Perubatan bagi Jawatankuasa Penasihat Keselamatan Ubat, Negara Brunei Darussalam, Dr. Shyh Poh Teo.

berkenaan ke Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Selain itu, menurutnya, pihak jawatankuasa berkenaan juga akan berhubung dengan beberapa badan pengawal selia antarabangsa bagi memantau situasi dan jika terdapat sebarang tanda ketidakpastian atau keselamatan yang dikenal pasti antarabangsa, seperti European's Medicine Regulatory Authority atau UK, pihak jawatankuasa akan mengambil maklum dan memantau keadaan.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Awam, Bahagian Kawalan Penyakit, Dr. Justin Wong semasa temu bual tersebut pula menjelaskan, Vaksin AstraZeneca



PAKAR Kesihatan Awam, Bahagian Kawalan Penyakit, Dr. Justin Wong.

secara keseluruhan adalah selamat dan berkesan.

Katanya, kesan sampingan Vaksin AstraZeneca adalah kecil dan sementara, di mana ia berlaku dalam jangka masa yang tidak lama, namun kesan-kesan tersebut akan sentiasa dipantau.

Beliau, seterusnya menyarankan, agar mereka yang mengalami sakit kepala yang berterusan atau masalah penglihatan, untuk sentiasa mengamalkan penjagaan diri seperti biasa dan sekiranya kesan sampingan tersebut adalah berterusan dan melebihi daripada dua hari, mereka adalah disarankan untuk pergi berjumpa doktor.



PEMANGKU Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Noorfazil bin Othman (kanan) semasa jerayawara tersebut.

Perkenal, sebar luaskan peranan JPA melalui jerayawara

Berita dan Foto :
Noraisah Haji Muhammed

SERIA, Khamis, 8 April. - Bagi memberikan peluang kepada warga Perkhidmatan Awam (PA) untuk sama-sama berbincang bersama Pegawai-pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi mengenal perkhidmatan - perkhidmatan jabatan melalui beberapa Sesi Konsultasi yang disediakan, JPA, Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengadakan jerayawara di Daerah Belait, di Pusat Insani, Seria.

Tetamu kehormat bagi jerayawara tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Perkhidmatan Awam, Kesejahteraan, Antarabangsa dan Media), JPM, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu.

Acara tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, yang disampaikan oleh Penyelia Pejabat, JPA, Awang Mohammad Iqbal bin Awang Yusuf, seterusnya diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Dr. Norfarizal bin Othman.

Ini, diikuti dengan ucapama daripada Timbalan Setiausaha Tetap (Perkhidmatan Awam, Kesejahteraan, Antarabangsa dan Media), JPM, Awang Haji Muhammad Suffian.

Jerayawara dan pameran yang dianjurkan oleh JPA ini, merupakan salah satu usaha berterusan JPA untuk memperkenalkan dan menyebarkan lagi peranan dan tanggungjawab JPA secara menyeluruh kepada warga PA di Daerah Belait.

Sementara itu, semasa temu bual Pelita Brunei bersama Guru Besar Sekolah Rendah Dato Maharaja Setia, Sukang, Dayang Rosnah binti DMS Haji Mohd. Simpok berkata, jerayawara seumpama itu amat berharga bagi penjawat awam.

Manakala Guru Besar Sekolah Rendah Lumut, Dayang Hajah Mizawati binti Haji Marusin pula berkata, jerayawara itu merupakan satu saluran rasmi bagi mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh kakitangan kerajaan.

Selain itu, jerayawara itu juga dijadikan sebagai platform dalam mengongsikan pelan strategik jabatan yang baharu, iaitu Pelan Strategik JPA 2021 - 2025, yang mula diguna pakai pada tahun ini juga usaha-usaha berterusan JPA untuk meningkatkan kecemerlangan PA.

Sesi Dialog juga diadakan dengan warga PA yang hadir bagi memberikan peluang kepada mereka untuk menyuarakan pendapat, cadangan juga mendengar masalah-masalah yang mereka hadapi.

Beberapa taklimat disampaikan mengenai Pengurusan Tatertib; Hal Ehwal Lantikan dan Pindah Jabatan; Hal Ehwal Perumahan; Sistem Pengurusan Prestasi; juga Perkhidmatan Kaunseling.

Jerayawara turut memberikan peluang kepada agensi-agensi kerajaan yang mempunyai Cawangan di Daerah Belait ikut serta dalam mengadakan pameran bagi mempromosikan perkhidmatan masing-masing, antaranya Tabung Amanah Pekerja, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Penerangan, Jabatan Penjara, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Program 1 Kampung 1 Produk (1K1P) juga membuat pameran, termasuk dari Rumah Panjang Mendaram Besar, Majlis Perundingan Kampung Mumong, Rumah Panjang Apak-Apak, dan Rumah Panjang Teraja.

Jerayawara merupakan kali kedua dalam siri jerayawara yang akan diadakan di daerah-daerah lain sepanjang tahun ini. Jerayawara pertama diadakan di Daerah Temburong, pada 4 Mac 2021.

Hadir sama, Pemangku Timbalan Ketua Pengarah, Dayang Hajah Noor Airah binti Haji Abdul Rahman; Pemangku Pengarah-pengarah; juga para Pegawai dan Kakitangan PA yang bertugas di agensi-agensi kerajaan, Daerah Belait.

Turut hadir ke acara tersebut, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin; dan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput; juga Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Mohamad Yassin bin Haji Ahmed.

OPERASI BULLS EYE : BISNES KELUARGA TERBONGKAR

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 April. - Operasi Bulls Eye diteruskan lagi, di empat lokasi berlainan, di Daerah Belait dengan penahanan 14 orang, terdiri daripada 12 lelaki dan dua perempuan, pada 2 April lalu. Tangkapan-tangkapan ini berumur dalam lingkungan 26

hingga 53 tahun, di mana seorang daripadanya adalah Penduduk Tetap, manakala selebihnya adalah warganegara Brunei.

Daripada hasil pemeriksaan pada kenderaan dan di tempat kediaman mereka, Biro Kawalan Narkotik (BKN) menjumpai 2.3 gram dadah jenis Syabu,

dadah Kelas 'A'.

Walaupun jumlah dadah kali ini tidak signifikan, namun serbuan ini bertujuan untuk menumpaskan aktiviti pengedaran yang diketahui adalah rangkaian bisnes keluarga berkaitan dengan tangkapan awal operasi yang sama, baru-baru ini.

Mereka juga mengaburi mata pihak berkuasa dengan aktiviti penangkapan dan penjualan ikan, di samping menjalankan pengedaran dadah haram, di Daerah Belait.

Turut dirampas semasa operasi ini, beberapa peralatan untuk menghisap dadah juga beberapa buah telefon bimbit dan tiga buah kereta yang dipercayai adalah hasil daripada aktiviti pengedaran dadah.

Tangkapan-tangkapan tersebut masih di dalam siasatan, di bawah kesalahan, seperti berikut, iaitu Seksyen 3A Akta Penyalahgunaan Dadah (APD), Penggal 27, iaitu atas kesalahan memiliki dadah terkawal bagi tujuan mengedar; Seksyen 3 Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah 2012 atas kesalahan membersihkan wang haram; Seksyen 6(a) APD, Penggal 27, iaitu atas kesalahan memiliki dadah terkawal; Seksyen 6(b) APD, Penggal 27, iaitu atas



BIRO Kawalan Narkotik menjumpai 2.3 gram dadah jenis Syabu, dadah Kelas 'A' dan peralatan untuk menghisap dadah.

kesalahan memakan dadah terkawal; Seksyen 7 APD, Penggal 27, iaitu atas kesalahan memiliki alat perkakas yang digunakan untuk memakan dadah terkawal; dan Seksyen 10 APD, Penggal 27, iaitu atas kesalahan bersubahat.

Sehubungan operasi-operasi tangkapan ini, BKN ingin mengingatkan yang BKN akan terus memburu dan menangkap mana-mana individu yang terlibat

dalam jaringan sindiket keluarga pengedar yang tertangkap sebelum ini.

Dalam hal ini, BKN juga ingin memberikan amaran kepada orang awam bahawa melibatkan diri atau tindakan melindungi mana-mana individu-individu yang terlibat dalam jenayah ini adalah salah, di sisi undang-undang dan boleh didakwa di mahkamah bersama-sama suspek-suspek yang terlibat.

Langkah-langkah interim sektor perbankan dilanjutkan

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 April. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan perundingan bersama industri perbankan, ingin memaklumkan pelanjutan pemberian bantuan kepada pelanggan perbankan, iaitu peniaga-peniaga dan individu-individu yang terkesan akibat wabak COVID-19 selama tempoh enam bulan lagi (1 April 2021 hingga 30 September 2021).

Sejak April 2020, bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan menawarkan beberapa jenis bantuan bagi meringankan kesulitan kewangan yang dihadapi oleh peminjam.

Setakat Disember 2020, sebanyak 2,014 permohonan diberikan bantuan, di mana sebilangan besar memilih bantuan, berbentuk penangguhan pembayaran balik pinjaman / pembiayaan buat sementara waktu (*temporary deferment*).

Bantuan ini mansuh pada 31 Mac 2021 dan dalam tempoh berkenaan, bantuan tersebut membantu meringankan tekanan kewangan pelanggan yang terkesan diakibatkan oleh wabak COVID-19.

Dengan pemulihan aktiviti perekonomian dan acara-acara sosial, sebilangan pelanggan tidak lagi memerlukan bantuan tersebut juga meneruskan pembayaran kemudahan pinjaman / pembiayaan mereka secara penuh.

Walau bagaimanapun, AMBD mengambil maklum bahawa sebilangan pelanggan akan masih menghadapi masalah aliran tunai dan memerlukan lebih masa sebelum mereka dapat meneruskan pembayaran kemudahan pinjaman / pembiayaan mereka secara penuh.

Bagi sebilangan pelanggan, penyelesaian pinjaman / pembiayaan alternatif mungkin akan diperlukan.

Sepanjang tempoh lanjutan ini, AMBD akan memberikan kelonggaran kepada beberapa peraturan perbankan bagi menggalakkan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan untuk menawarkan bantuan yang bersesuaian kepada peminjam yang masih terkesan melalui pilihan-pilihan berikut, iaitu Penangguhan pembayaran balik kemudahan pinjaman / pembiayaan; Menstruktur semula kemudahan pinjaman / pembiayaan peribadi dan kemudahan sewa beli, seperti pembiayaan kenderaan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun; Penukaran baki kad kredit kepada pinjaman / pembiayaan berjangka pendek (*term loan*) selama tempoh tidak melebihi tiga tahun bagi individu-individu yang terkesan, di sektor swasta sahaja, termasuk mereka yang bekerja sendiri (*self-employed*); juga semua bayaran dan caj bank, kecuali caj pihak ketiga tidak akan dikenakan.

Tertakluk kepada penilaian bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan, bantuan-bantuan tersebut adalah dibukakan kepada pelanggan yang masih menghadapi kesukaran dalam aliran tunai.

Peniaga dan individu terkesan yang ingin memohon bantuan tersebut adalah dinasihatkan untuk menghubungi bank-bank atau syarikat-syarikat kewangan masing-masing bagi mendapatkan sebarang keterangan lanjut.

Pelanggan adalah disaran untuk mempertimbangkan terlebih dahulu, sama ada bantuan tersebut benar-benar diperlukan dan pilihan bantuan yang ditawarkan adalah bersesuaian.

Pelanggan yang berupaya untuk meneruskan pembayaran kemudahan pinjaman / pembiayaan secara penuh adalah digalakkan untuk meneruskan pembayaran tersebut agar hutang-piutang tidak terkumpul, pada masa akan datang.

Selain itu, bank-bank akan terus tidak mengenakan yuran dan caj (kecuali caj pihak ketiga) bagi sebarang pemindahan wang yang dibuat oleh pelanggan bank ke bank lain melalui sistem Real Time Gross Settlement (RTGS) dan sistem Automated Clearing House (ACH) selama enam bulan lagi hingga 30 September 2021.

Semenjak yuran dan caj ini ditiadakan pada bulan April 2020, penggunaan pemindahan wang secara *online* oleh pelanggan dari bank ke bank lain telah meningkat.

Orang ramai adalah digalakkan untuk mengguna pakai kemudahan kaedah pemindahan wang secara digital yang ditawarkan oleh bank dan pembekal-pembekal perkhidmatan pembayaran.

AMBD ingin memberi jaminan kepada orang ramai bahawa sektor perbankan di Negara Brunei Darussalam adalah kekal berdaya tahan, kukuh dan mempunyai dana modal yang mencukupi.

AMBD akan terus memantau kedayatanganan sektor perbankan, termasuk bantuan yang dihulurkan, pada tempoh bantuan tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi bank-bank atau syarikat-syarikat kewangan secara langsung atau AMBD menerusi +673 2388388 atau e-mel ke info@ambd.gov.bn.

SPA perkenal 2 tatacara alternatif permohonan jawatan kosong

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 April. - Susulan pengumuman yang dibuat pada 17 Mac 2021 mengenai penyelenggaraan teknikal dan sistem ke atas PSC Recruitment, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), dengan ini memperkenalkan dua tatacara sebagai alternatif bagi permohonan jawatan kosong dan menyemak kedudukan permohonan.

1. Tatacara Baharu Permohonan Jawatan Kosong

Terdapat satu tambahan halaman baharu semasa membuat permohonan jawatan kosong melalui Laman Sesawang PSC Recruitment yang perlu dilengkapkan sebelum permohonan jawatan kosong dapat diteruskan.

2. Tatacara Menyemak Status Permohonan

Berikutan penyelenggaraan yang dijalankan, status permohonan jawatan kosong di dalam ruangan 'My Job Applications' tidak dapat dikemas kini.

Sebagai langkah alternatif, satu halaman khas telah pun ditambah pada laman sesawang

Siaran Akhbar :
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Pengesahan permohonan diterima akan disampaikan melalui e-mel. Oleh yang demikian, pemohon disarankan untuk menyemak e-mel sejurus menghadapi permohonan termasuk *folder spam / junk*.

2. Tatacara Menyemak Status Permohonan

Berikutan penyelenggaraan yang dijalankan, status permohonan jawatan kosong di dalam ruangan 'My Job Applications' tidak dapat dikemas kini.

Sebagai langkah alternatif, satu halaman khas telah pun ditambah pada laman sesawang

www.spa.gov.bn, di mana ia boleh diakses melalui Portal PSC Recruitment, www.recruitment.gov.bn. Tatacara lengkap tersebut boleh diperoleh melalui media sosial rasmi Pejabat ini : PSC.BN.

Sebarang aduan berkaitan dengan permohonan jawatan kosong bolehlah menghubungi menerusi talian WhatsApp +673 7371961 atau e-mel ke query@spa.gov.bn.

Pejabat SPA memohon maaf atas kesulitan yang dihadapi dan terima kasih atas kesabaran juga kerjasama yang diberikan.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Keutamaan Meminum Air Kosong'. Tarikh Tutup : 14 April 2021
2. 'Bersama Menjaga Kebersihan Alam Sekitar'. Tarikh Tutup : 21 April 2021
3. 'Meningkatkan Amalan di Bulan Ramadan'. Tarikh Tutup : 28 April 2021

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

ASAH KEMAHIRAN DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



dalam program ini serta seramai enam orang usahawan lagi meneruskan minat mereka dalam Industri Makanan dan Minuman (F&B).

Setiap peserta telah berjaya menamatkan empat Fasa Program BIBD SEED di mana pihak BIBD telah mengatur pelbagai bengkel latihan yang memfokuskan kepada kemahiran keusahawanan, kemahiran praktikal termasuk bengkel pembangunan produk.

Di samping itu, para peserta juga telah ikut serta dalam jualan-jualan dan pameran dalam usaha untuk meraih pengalaman praktikal dan berinteraksi dengan para pelanggan serta membina rangkaian bersama pelanggan.

Terdahulu, Ketua Pegawai Pemasaran BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar semasa berucap pada majlis tersebut menjelaskan bahawa Program BIBD SEED bertujuan untuk memperkasa golongan ibu-ibu dan wanita yang kurang berkemampuan dengan membantu mereka menentang minat dan mengasah kemahiran mereka serta seterusnya meraih peluang untuk memperluaskan pendapatan dari bidang perniagaan yang mereka ceburi.

Program ini sangat bermakna dan menandakan komitmen BIBD terhadap pembangunan negara sejajar dengan Wawasan Brunei 2035, yang mencerminkan BIBD bukan hanya sebagai institusi kewangan, tetapi juga sebagai Rakan Kemajuan atau Partner in Progress, yang sentiasa komited untuk menyumbang kepada kejayaan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Jelasnya, memperkasa wanita terbukti dapat memberi kesan yang bermanfaat kepada keluarga, komuniti dan negara secara keseluruhan. Sebagai Partner in Progress, BIBD sentiasa komited dalam mendukung negara, menyokong mereka yang kurang berkemampuan, memberikan peluang dan memperkasa mereka yang mungkin tidak mempunyai



TIMBALAN Pengarah Urusan BIBD, Dayang Hajah Noraini binti Haji Sulaiman pada Majlis Pengijazahan Program BIBD SEED Kohort Ke-3.

peluang yang sama.

"Di sepanjang program ini, peserta-peserta bukan saja diberi pengetahuan tentang strategi pemasaran tetapi juga kemahiran pengurusan perniagaan, kos, pembungkusan dan banyak lagi.

"*Exposure* kepada industri *expertise*, seperti Fashion Designers Alliance dengan bantuan DARE juga memberi pengalaman kepada para peserta

untuk memahami akan keperluan industri dan segala cabaran yang dihadapi dalam pengalaman mereka.

"Ini adalah salah satu usaha BIBD untuk memastikan bahawa graduan-graduan BIBD SEED, InsyaaAllah, akan mempersiapkan diri dan serba sedikit mampu mengatasi apa jua cabaran dan menjadi pengusaha yang lebih proaktif dan inovatif dalam

perniagaan masing-masing," ujar beliau.

Program BIBD SEED mencerminkan komitmen BIBD terhadap pembangunan negara, bukan sahaja sebagai institusi kewangan, tetapi juga sebagai warganegara yang bertanggungjawab menyumbang kepada kejayaan NBD dan masyarakatnya.

Ini sejajar dengan peranan perusahaan sosial BIBD dalam tonggak Tanggungjawab Sosial Korporatnya dalam bidang keusahawanan, pendidikan dan komuniti serta merupakan salah satu daripada banyak cara untuk memberi kembali kepada masyarakat, tetap setia pada fokus utamanya untuk menjadi Bruneian at Heart (Berjiwa Brunei).

Inisiatif ini sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 untuk mewujudkan persekitaran pro-perniagaan dan memberi peluang kepada pengusaha untuk memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

Kewajipan menjaga sembahyang fardu



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 April. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Fakulti Syariah dengan kerjasama Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian

Pendidikan menganjurkan Jerayawara Menghalusi Sembahyang di sekolah-sekolah menengah bermula pada 31 Mac 2021.

Antara sekolah yang terlibat

dalam jerayawara tersebut termasuk Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Daerah Tutong dan Sekolah Menengah

Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

KOLEJ Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Fakulti Syariah dengan kerjasama Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan semasa menganjurkan Jerayawara Menghalusi Sembahyang.

menyempurnakan sembahyang fardu dengan betul menurut Mazhab Syafi'e.

Ia juga diharapkan dapat mengukuhkan ketakwaan para pelajar yang hadir dengan menjaga sembahyang fardu lima waktu dan istiqamah dalam mendirikan sembahyang secara berjemaah bersama keluarga dan masyarakat.

Bagi mendapatkan jadual penuh atau maklumat lanjut mengenai jerayawara berkenaan, bolehlah menghubungi Fakulti Syariah, KUPU SB melalui talian +673 2236277.

Maklumat terkini mengenai program dan aktiviti KUPU SB juga boleh diperoleh di Laman Sesawang Rasmi KUPU SB di www.kupu-sb.edu.bn Instagram rasmi KUPU SB iaitu @official_kupusb dan Facebook Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah, Daerah Belait, Jerayawara Menghalusi Sembahyang disampaikan oleh para Pensyarah Fakulti Syariah KUPU SB.

Antara objektif jerayawara tersebut diadakan adalah bagi meningkatkan tahap kefahaman dalam kalangan pelajar mengenai kewajipan melaksanakan sembahyang fardu lima waktu dan dalam masa yang sama

TERAPKAN BUDAYA PENULISAN RENCANA ILMIAH BERKUALITI



SENGKURONG, Rabu, 7 April. - Bengkel Penguasaan Penulisan Rencana Ilmiah diungkuhkan sebagai salah satu inisiatif dan usaha untuk meningkatkan kemahiran bagi melahirkan penulis-penulis yang berpotensi menguasai Penulisan Rencana Ilmiah.

Seramai 35 peserta, terdiri

daripada pegawai-pegawai kerajaan, dan penulis-penulis tanah air yang mempunyai potensi dalam Penulisan Rencana Ilmiah berjaya menamatkan bengkel mereka.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan mengemukakan

bengkel tersebut selama tiga hari, bertempat di Perpustakaan DBP Cawangan Sengkurong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta dan pembimbing bengkel, Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Bengkel yang mencakupi

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

PEMANGKU Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab (duduk depan tengah) pada Majlis Penutup Bengkel Penguasaan Penulisan Rencana Ilmiah.



UCAPAN daripada peserta bengkel.

ilmiah yang berkualiti; menekankan aktiviti kajian dan penyelidikan kualitatif ataupun kuantitatif dalam penulisan ilmiah; dan usaha ke arah mencapai jurnal berimpak tinggi.

bimbingan, penerangan juga perbincangan dan latihan itu dibimbing oleh Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid.

Antara pengisian bengkel, termasuklah Pengenalan Rencana Ilmiah; Rencana Ilmiah Itu Apa?; Bimbingan Teknik dan Gaya Penulisan rencana Ilmiah; Pilihan Tajuk, Penggarapan Isi dan Bahasa dalam Penulisan Rencana Ilmiah; Latihan; Kepentingan Carta, Statistik, Gambar Rajah dan Jadual dalam Rencana; juga Kepentingan Kerja Lapangan.

Bengkel, antara lain berobjektif untuk menerapkan dan membudayakan penulisan rencana

Timba pengetahuan dalam dunia penulisan kritikan sastera

■ **BENKEL** Kritikan Sastera 2021 diharap dapat memberikan pengetahuan dan pemahaman untuk menghayati karya-karya sastera dengan penerapan teori dan konsep sastera.

■ **SEBAGAI** seorang pengkritik sastera, para peserta haruslah bersikap kritis, tekun, serius, komited dan mempunyai tanggungjawab besar dalam menilai buruk baiknya sesuatu mutu karya itu.

■ **SEORANG** pengkritik perlu tahu mengenai teori, falsafah dan teknik, di mana seorang pengkritik juga harus rajin membaca karya-karya sastera mutakhir, di samping terus mendalami pelbagai teori kritikan sastera.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 April. - Dalam usaha melahirkan penulis muda yang berpotensi dalam penulisan kritikan sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera dan Majalah menganjurkan Bengkel Kritikan Sastera 2021, yang diadakan di Dewan Patih Barbai, DBP Berakas, di sini.

Kegiatan ini diharap dapat memberikan pengetahuan dan pemahaman untuk menghayati karya-karya sastera dengan penerapan teori dan konsep sastera.

Selain itu, melalui bengkel itu juga diharap dapat melahirkan pelapis untuk meneruskan penulisan kritikan sastera dalam

ruangan tertentu majalah, khususnya majalah Bahana, di samping meningkatkan kemahiran dan menjadi 'bekalan' kepada para penulis yang ingin menyertai Peraduan Menulis Kritikan Sastera Bahana DBP, yang dianjurkan setiap tahun.

Pada Majlis Pembukaan Bengkel Kritikan Sastera, Ketua Bahagian Sastera dan Majalah, Dr. Haji Mohd Ali bin Haji Radin, dalam ucapan alu-aluannya, menggariskan sebagai seorang pengkritik sastera, para peserta haruslah bersikap kritis, tekun, serius, komited dan mempunyai tanggungjawab besar dalam menilai buruk baiknya sesuatu mutu karya itu.

Ini, tambahnya, kerana tugas dan tanggungjawab seorang pengkritik semakin berat dan mencabar kerana penulis / pengarang sudah terbuka dalam menciptakan gaya penulisan baharu juga eksperimen, yang bukan setakat bersifat imaginasi, tetapi perlu banyak kajian dan penyelidikan.



BENKEL Kritikan Sastera 2021 dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera dan Majalah yang dibimbing oleh Dr. Haji Morsidi bin Haji Muhamad.

Justeru, seorang pengkritik perlu tahu mengenai teori, falsafah dan teknik, di mana seorang pengkritik juga harus rajin membaca karya-karya sastera mutakhir, di samping terus mendalami pelbagai teori kritikan sastera.

Bengkel Kritikan Sastera akan diadakan selama tiga hari, bermula hari ini, di mana para peserta berpeluang mendapat bimbingan juga tunjuk ajar daripada seorang pengkritik, peneliti dan pengkaji sastera yang tidak asing dalam arena penulisan kritikan sastera juga menghasilkan pelbagai buku akademik, berbentuk kajian sastera, iaitu Dr. Haji Morsidi bin Haji Muhamad.

Seramai 25 peserta, terdiri daripada para penulis muda dan baharu hadir mengikuti bengkel berkenaan.

Dengan adanya bengkel sebegini, dapat memberikan mereka peluang untuk menimba ilmu pengetahuan, khususnya dalam dunia penulisan kritikan

sastera, di samping dapat membongkar nilai sastera melalui mempelajari sesuatu yang baharu, penulisan kritikan sastera yang segar dan menarik juga berupaya berkualiti.



SEBAHAGIAN daripada peserta bengkel.



KETUA Bahagian Sastera dan Majalah, Dr. Haji Mohd Ali bin Haji Radin ketika berucap.

MAKLUMAN IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.



Lihat Senarai Iklan
Jawatan Kosong



+673 7371961

PSC.BN

PSC.BN

query@spa.gov.bn

BIL.	JAWATAN & KOD IKLAN	JABATAN / KEMENTERIAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
01.	PEGAWAI HAL EHWAL MASJID [B.2 EB.3 / B.2] 2021/0010/06	JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	1	7(A)	19 APRIL 2021
02.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I [B.2 EB.3] 2021/0013/03	BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	1	7(A)	19 APRIL 2021
03.	PENOLONG PEGAWAI PERIKANAN [C.3-4 EB.5] 2021/0013/04	JABATAN PERIKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	1	7(A)	19 APRIL 2021
04.	PENGARAH BELIA DAN SUKAN [SUPERSCALE C] 2021/0012/13	JABATAN BELIA DAN SUKAN, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	1	38(A)	19 APRIL 2021
05.	PENOLONG PENGARAH [KUMPULAN 2] 2021/0012/11	INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM, JABATAN PERDANA MENTERI	1	38(A)	19 APRIL 2021
06.	PEGAWAI PERANGKAIAN KANAN [B.3] 2021/0014/04	JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	2	38(A)	19 APRIL 2021
07.	KETUA PEGAWAI MELESEN [C.3-4 EB.5] 2021/0012/04	JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	4	38(B)	19 APRIL 2021
08.	GURU UGAMA TERLATIH [G.2] 2021/0012/06	PUSAT DA'WAH ISLAMIAH, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	1	7(A) LUAR NEGERI	19 APRIL 2021
09.	PENGAJAR TEKNIK KANAN [G.11] 2021/0012/09	INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN	3	7(A) LUAR NEGERI	19 APRIL 2021
10.	PENGAJAR TEKNIK KANAN [G.11] 2021/0012/10	INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN	2	7(A) LUAR NEGERI	19 APRIL 2021
11.	PEGAWAI ISTINBAT [B.2 EB.3] 56/2021 (SPA/BISP)	JABATAN MUFTI KERAJAAN, JABATAN PERDANA MENTERI	2	7(A) LUAR BIDANG	21 APRIL 2021
12.	PEGAWAI BUHUTH [B.2 EB.3] 57/2021 (SPA/BISP)	JABATAN MUFTI KERAJAAN, JABATAN PERDANA MENTERI	1	7(A) LUAR BIDANG	21 APRIL 2021

MAKLUMAT LEBIH LANJUT BERKAITAN DENGAN BIDANG DAN TUGAS TANGGUNGJAWAB BOLEHLAH MELAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN DAN DENGAN MENGIKUTI AKAUN MEDIA SOSIAL INSTAGRAM DAN TELEGRAM DI @PSC.BN



قجابت سوروهنجاي فرخدمتن عوام
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

Iklan Jawatan Kosong Dilanjutkan

BIL.	KOD IKLAN	JAWATAN	JABATAN / KEMENTERIAN	JENIS IKLAN	DIVISYEN	TARIKH IKLAN ASAL	TARIKH DILANJUTKAN
1.	2021/0010/01	JURUPILIH ANGGOTA KANAN	KEMENTERIAN PERTAHANAN	38A	II	15 MAC 2021	19 APRIL 2021
2.	2021/0010/02	PENGANALISA SISTEM KANAN	PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	38A	II	15 MAC 2021	19 APRIL 2021
3.	2021/008/15	JURUPILIH CARA KERJA KANAN	KEMENTERIAN KESIHATAN	38B	II	13 MAC 2021 – 27 MAC 2021	19 APRIL 2021
4.	2021/0010/03	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II	BAHAGIAN PENYELIDIKAN, PERKEMBANGAN DAN HAL EHWAL ANTARABANGSA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	7A	II	15 MAC 2021	19 APRIL 2021
5.	2021/0010/05	PEMERIKSA HARGA	JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK, KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	7A	IV	15 MAC 2021	19 APRIL 2021
6.	2021/0010/12	PEGAWAI PELAJARAN	JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	7A	II	15 MAC 2021	19 APRIL 2021
7.	2021/0011/05	JURUTERA	JABATAN ARKIB PEMBANGUNAN DAN PERKHIDMATAN KERJA, KEMENTERIAN PERTAHANAN	7A	II	15 MAC 2021	19 APRIL 2021
8.	2021/0011/06	GURU	JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	7A	III	20 MAC 2021	19 APRIL 2021

Pemohon yang mengalami **ralat / 'error'** dan **gagal** membuat **permohonan jawatan kosong** sebelum ini adalah disarankan untuk **membuat permohonan sekali lagi.**

+673 7371961

PSC.BN

PSC.BN

query@spa.gov.bn



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR

Bil. Tawaran :
KHEDN / PPA / MKAQ / 2021

Tajuk Tawaran :
TAWARAN BAGI SEBUT
HARGA PAKAIAN
PESERTA-PESERTA LELAKI DAN
PEREMPUAN UNTUK MAJLIS
KHATAM AL-QURAN 75 KALI
KHATAM AHLI-AHLI
MAJLIS PERUNDINGAN MUKIM
DAN KAMPUNG,
PENUNTUT-PENUNTUT
SEKOLAH DAN INSTITUSI-INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI SELURUH
NEGARA SEMENA SAMBUTAN
PERAYAAN ULANG TAHUN
KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG
MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



KE-75
TAHUN BAGI TAHUN 2021

Tarikh tutup :
21 April 2021 (Rabu),
Tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA

JEMPUTAN UNTUK
MEMBERI TAWARAN
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

1. BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / KOP / 007 / 2021

TAJUK TAWARAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
OUTDOOR 600AMP DISTRIBUTION
FEEDER PILLAR

YURAN TAWARAN :
BN10.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

2. BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / KOP / 008 / 2021

TAJUK TAWARAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
500 KVA DISTRIBUTION
TRANSFORMER

YURAN TAWARAN :
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

3. BILANGAN TAWARAN :

JPE / LTK / KOP / 009 / 2021
TAJUK TAWARAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
800 AMP FEEDER PILLAR (TYPE 801)

YURAN TAWARAN :
BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

Tarikh Tutup :
27 April 2021 (Selasa)
(Jam 2.00 Petang)





**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

KES NO. BCY / CP / 314 / 2019

**BAIDURI BANK BERHAD
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**MOHAMDIH BIN MAIDIN
(BYIC No.00-252398)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
14 Januari 2021.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-2)**, Mahkamah Besar pada **15 April 2021, jam**

10.30 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan diperjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **15 April 2021, jam 10.30 Pagi.**

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan

sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 8 Mac 2021

**HJH NOOR AMALINA BINTI DP HAJI
ALAIHUDDIN**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 317 / 2020

**BAIDURI BANK BERHAD
- Pemiutang Penghakiman/ Pemetisyen**

**MD SANIP BIN HAJI ANANG
(BYIC No. 00-078475)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh
14 Januari 2021.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 1, Bilik (R1-2)**, Mahkamah Besar pada **20 April 2021, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan diperjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **20 April 2021, jam 9.00 Pagi.**

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 8 Mac 2021

**HJH NOOR AMALINA BINTI DP HAJI
ALAIHUDDIN**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



Bil. Tawaran :
KHDN / PPA / BEN (ASA) / 2021

Tajuk Tawaran :
TAWARAN BAGI SEBUT HARGA AMBAN, SINJANG DAN ARAT UNTUK UPACARA PENGIBARAN BENDERA BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-75 BAGI TAHUN 2021

Bil. Tawaran :
KHDN / PPA / BEN (PBG) / 2021

Tajuk Tawaran :
TAWARAN BAGI SEBUT HARGA PAKAIAN PASUKAN PEMBAWA BENDERA DAN GANGSA UNTUK UPACARA PENGIBARAN BENDERA BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-75 BAGI TAHUN 2021

Tarikh Tutup :
21 April 2020 (Rabu),
Tidak lewat
jam 2.00 Petang

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR**

Bil. Tawaran :
KHDN / PPA / BEN (KOIR) / 2021

Tajuk Tawaran :
TAWARAN BAGI SEBUT HARGA PAKAIAN KUMPULAN KOIR UNTUK UPACARA PENGIBARAN BENDERA BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-75 BAGI TAHUN 2021



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA**

**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI
TAWARAN
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**

BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / PSP / 010 / 2021

TAJUK TAWARAN :
PEMBEKALAN SISTEM RANGKAIAN 11KV DI MUKIM SUKANG, DAERAH BELAIT

HARGA DOKUMEN :
BND1,000.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

Tarikh Tutup :
27 April 2021, Selasa
(Jam 2.00 Petang)



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA**

**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI
TAWARAN
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**

BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / PSP / 005 / 2021

TAJUK TAWARAN :
PROPOSED MENTIRI (BRUNEI-MUARA) 66KV S/S TO NEW PERDAYAN (TEMBURONG) 66KV S/S UNDERGROUND CABLE (66KV) TRANSMISSION LINK
HARGA DOKUMEN :
BND5,000.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

TARIKH TUTUP :
11 Mei 2021, Selasa
(Jam 2.00 Petang)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**MAKLUMAN PEMBERITAHUAN
TAWARAN
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

TAJUK TAWARAN. :
MINDEF / DFA / RC / 281 (1)
PENGENDALIAN PERKHIDMATAN KANTIN DI BANGUNAN KEMENTERIAN PERTAHANAN,



**BOLKIAH GARISON
BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN
- 1 PETAK BIASA**

Tarikh 'Information Day' :
19 April 2021

(Tertakluk kepada perubahan)

Tarikh Tutup :
Isnin, 10 Mei 2021,
Tidak lewat
jam 12.00 tengah hari.



MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**DALAM MAHKAMAH MAJISTRET
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

**DI DENGAR
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

KES SAMAN BIL : 742 TAHUN 2017

DI ANTARA

KERAJAAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
... Pemiutang Penghakiman
DAN
AWANG MUSA BIN HAJI DOLLAH

NO. K/P : 00-063649
... Penghutang Penghakiman

NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

Kepada : AWANG MUSA BIN HAJI
DOLLAH

Alamatnya yang terakhir diketahui
ialah di **No. 77, Simpang 637-84-111
STKRJ Kampung Lambak Kiri BB1114
Negara Brunei Darussalam**

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa saman
Penghutang Penghakiman telah difailkan
terhadap kamu dalam mahkamah yang
tersebut di atas oleh **KERAJAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI**

DARUSSALAM yang menghendaki kamu
supaya hadir di Mahkamah Majistret,
Bandar Seri Begawan, pada hari **28 April
2021**, pada jam **8.30 Pagi**, untuk memberi
sebab mengapa penghakiman yang
dijatuhkan dalam kes yang tersebut di atas
tidak patut dilaksanakan dengan menahan
dan menjual harta alih kamu dan / atau
dengan menahan kamu di dalam penjara
sebagai banduan sivil.

DAN ADALAH DIPERINTAHKAN
bahawa penyampaian saman tersebut
dilakukan ke atas kamu dengan menyiarkan
satu keluaran akhbar di "**PELITA BRUNEI**"
dan bahawa penyampaian tersebut
hendaklah dianggap sebagai penyampaian
yang sah dan mencukupi bagi prosiding ke
atas kamu.

**DAN SILA AMBIL PERHATIAN
SELANJUTNYA** bahawa jika kamu tidak
hadir, waran tangkap atau sesuatu perintah
boleh dibuat terhadap kamu sebagaimana
yang difikirkan patut oleh
mahkamah. Kehadiran kamu boleh

diketepikan dengan syarat
wang penghakiman yang terhutang
kepada **KERAJAAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**, iaitu
\$3,215.00, faedah kadar 6% setahun mulai
dari tarikh penghakiman sehingga
pembayaran penuh dan kos sebanyak
\$400.00.

Bertarikh 10 Mac 2021.

MAJISTRET
Mohammad Marzuqi bin Sabtu

Notis Pemberitahuan Menurut Perintah
Penyampaian Ganti ini difailkan oleh
Pejabat Peguam Negara, Peguambela dan
Peguamcara bagi Plaintiff, yang alamat
penyampaiannya adalah di Pejabat
Peguam Negara, Bangunan
Undang-Undang, Bandar Seri
Begawan, BA1910, Negara Brunei
Darussalam.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Unit Kejuruteraan Udara

1. Seksyen : Aircraft Avionic.
- Ketua Jurutera (1 Kekosongan).

2. Seksyen : MIT Aircraft Airframe &
Engine.
- Jurutera Staf Kanan
(1 Kekosongan).

3. Seksyen : General Workshop.
- Jurutera Staf Kanan
(1 Kekosongan).
- Jurutera (1 Kekosongan)

4. Seksyen : Overhaul Bay.

- Jurutera Kanan (1 Kekosongan).

5. Seksyen : Engineering Coordination &
Planning.

- Jurutera (1 Kekosongan).

- Pembantu Jurutera
(1 Kekosongan).

6. Seksyen : Supply Control Cell.
- Jurutera (1 Kekosongan).

7. Seksyen : Avionics Workshop.
- Pembantu Jurutera (1 Kekosongan).

8. Seksyen : Engine Bay.
- Pembantu Jurutera (1 Kekosongan).

9. Seksyen : Logistics Simulation and
Maintenance.

- Pembantu Jurutera (1 Kekosongan).

10. Seksyen : Structure Bay.

- Pembantu Jurutera (1 Kekosongan).

Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi (CSTRAD)

1. Seksyen : Capability Management and
Acquisition.

- Jurutera (2 Kekosongan).

2. Seksyen : Research.

- Pembantu Jurutera (1 Kekosongan).

Unit Kejuruteraan Darat

1. Seksyen : Miscellaneous Equipment
Repair Group.

- Jurutera (1 Kekosongan).

- Pembantu Jurutera (1 Kekosongan)

Bahagian Pemeliharaan Kelengkapan Teknikal (BPKT)

1. Seksyen : Contract Management
Section (HR).

- Jurutera (1 Kekosongan).

BAHAGIAN Pemeliharaan dan
Kelengkapan Teknikal (BPKT),
Kementerian Pertahanan adalah
sebuah organisasi kerajaan yang

memberikan perkhidmatan yang
berkaitan dengan teknologi pertahanan
kepada Kementerian Pertahanan Negara
Brunei Darussalam. Kami mengambil
profesional dan graduan dari
pelbagai latar belakang dan kepakaran.
Untuk pengambilan kali ini, kami
mencari calon dengan latar belakang
Kejuruteraan Penyelenggaraan Pesawat,
Kejuruteraan Aeroangkasa,
Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan
Elektronik, Sumber Tenaga Manusia,
Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan
Mekatronik, Pengurusan Projek,
Penyelidikan serta bidang yang
berkaitan.

Untuk maklumat lanjut
mengenai Divisyen ini, sila layari :
<https://www2.mindef.gov.bn/temd/index.php>

Untuk maklumat lebih lanjut
mengenai jawatan-jawatan kosong
di atas dan maklumat mengenai
proses permohonan BPKT, sila
imbas kod QR yang disediakan
atau silakan lawat :
https://www2.mindef.gov.bn/temd/job_vacancy_view.php

Semua permohonan pekerjaan bagi
jawatan di atas hendaklah dihantar
secara dalam talian melalui
e-mel SAHAJA ke
temd.recruitment@mindef.gov.bn
**Tarikh Tutup Iklan : 4:30 petang, 16 April
2021.**



JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



BND 30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

NAMA SEKOLAH :
Sekolah Ugama Arab Menengah
Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak
Hajah Saleha, Katok - Zon 'A'

BILANGAN TAWARAN :
KHEU / JPI / MM / SUAMP RIPAHS,
KATOK - ZON 'B'

BAYARAN YURAN DOKUMEN :
BND 30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

NAMA SEKOLAH :
Sekolah Ugama Arab Menengah
Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak
Hajah Saleha, Katok - Zon 'B'

BILANGAN TAWARAN
KHEU / JPI / MM / SUAMP RIPAHS,
KATOK - ZON 'C'

BAYARAN YURAN DOKUMEN
BND 30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

NAMA SEKOLAH :
Sekolah Ugama Arab Menengah
Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak
Hajah Saleha, Katok - ZON 'C'

TARIKH TUTUP TAWARAN :
Selasa, 8 Ramadan 1442H /
20 April 2021M,
tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari.

JABATAN PENGAJIAN ISLAM,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
TAWARAN RANCANGAN
PEMAKANAN
SEKOLAH ARAB DAN ASRAMA
[BAHAGIAN MAKAN TENGAH HARI -
SECARA BERHIDANG DAN
BERTAPAU]
BAGI ENAM (06) BULAN

BILANGAN TAWARAN :
KHEU / JPI / MM / SUAMP RIPAHS,
KATOK - ZON 'A'

BAYARAN YURAN DOKUMEN



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tajuk Sebut Harga 1 :
TO REPAIR MEZZANINE LEVEL
CHILLER NO. 3
COMPRESSOR UNIT (CIRCUIT B),
BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT
AME / 2021-2022 / SH-35
(KELAS : III DAN IV)

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh tutup sebut harga :
Rabu, 28 April 2021
(hingga jam 2.00 Petang)

PUISI

Nasihat dari Ayahanda

Wahai cahaya matakmu
Duduklah di depan indungmu
Duduk dengan adab bersantun
Ayahanda ingin menyampaikan bicara
Pesan kenangan di masa depan

Dunia ini bukanlah permainan
Dunia ini lah sebenar-benarnya
Ladang tanaman pohon amalmu
Maka semailah ia sebaiknya
Sebagai bekalan kemudian hari

Ayahanda ini telah pun tua
Dunia maya tak sabar menyisa
Tiadalah daya mahupun upaya
Hanya menghitung hari yang ada
Ibarat petang mendekat senja

Jiwamu perkasakan hai anak
Perkasakan dengan nasihat dan ilmu
Jadikan sebagai pelita hatimu
Juga sebagai hiasan jiwamu
Gelita nafsukan menjauh darimu

Andai Ayahanda di sini tiada
Berziarah pusara jangan dilupa
Tidak selamanya kita bersama
Bersampingan dikau duhai cahaya mata
Tetapi... pesan Ayahanda kan kekal di jiwa raga
Sebagai sinar cahaya kehidupan mu

Oleh -
Kasihku Azzahra

Hujan Rahmat

Lembut berarak mendung yang kelam
Beralih lalu diteman bayu
Menanti titis jernih awan
Curahan restu awan kelabu

Indah limpahan rahmat-Nya tuhan
Tak kan menanti hari yang esok
Bukan bertandang kerana ilham
Nyatanya datang bukan lamunan

Suasana berubah satu tujuan
Sejuk meresap rasa yang hiba
Terasa dingin sendanya alam
Seluas penjuru berkelana senja

Tibanya hujan tepat masanya
Si kecil riang bergema gembira
Rintisan damai tenang mempesona
Keindahan terpancar permai bahagia

Oleh -
Ilham Senja

Menjulung Bakti

Dengan langkah utuh
Memikul segunung impian
Demi mengembangkan sayap generasi bangsa
Bermula ikhtiar berakhirnya usaha
Mencurahkan ilmu dari jiwa seorang hamba

Wahai anak bangsa harapan
Luaskan seluasnya pemandanganmu
Jernihkan sejernihnya pemikiranmu
Doa mulia sentiasa kuseru
Agar menjadi takhta hidupmu

Anak bangsa yang tercinta
Warkah doa setulusnya untukmu
Genggamlah ia kukuh teguh
Julangkan bakti menyingsing jasa
Sebagai amal mulia syariat hidupmu

Oleh -
Mulyae Brunei

LIVE STREAMING WEBINAR MINDA DUNIA MELAYU PERINGKAT ANTARABANGSA

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 April. - Webinar Minda Dunia Melayu Peringkat Antarabangsa disaksikan oleh para pegawai dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) secara Live Streaming, bertempat di Bilik Laila Muafakat, Tingkat 4, DBP, Berakas.

Panel pembicara Webinar, terdiri daripada tokoh dan pakar dalam bidang bahasa dan sejarah dari tiga buah negara Melayu, iaitu Dato' Haji A. Aziz Deraman dari Malaysia; Prof. Dr. Mohamad Zain Musa dari Kemboja; dan Dr. Suraiya Chapakiya dari Thailand.

Webinar ini merupakan anjuran bersama Jabatan Pengajian Melayu, IPG Kampus Kota Bharu, DBP Wilayah Timur dan PERADABAN yang disiarkan secara langsung melalui pautan <http://gg.gg/webinar-duniamelayu>.



WEBINAR Minda Dunia Melayu Peringkat Antarabangsa disaksikan oleh para pegawai dari Dewan Bahasa dan Pustaka secara Live Streaming, bertempat di Bilik Laila Muafakat, Tingkat 4, DBP, Berakas.



SUASANA Webinar Minda Dunia Melayu Peringkat Antarabangsa.

Pelbagai aktiviti meriahkan Sambutan Hari Buku, Hak Cipta Sedunia

JERUDONG, Rabu, 7 April. - Bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia, Sekolah Menengah Sayyidina Husain (SMHS), Kampung Jerudong, Mukim Sengkurong 'B' tidak ketinggalan dalam sama-sama menyambutnya, yang berlangsung di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan, baru-baru ini.

Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia ini diungkuhkan oleh Ahli Pustakawan SMHS dan Ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMHS. Sambutan ini merupakan acara tahunan sekolah yang diadakan setiap bulan April.

Antara objektif utama Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia ini diadakan adalah untuk memperingati kepada guru-guru, ibu bapa atau penjaga dan penuntut mengenai hari buku sedunia.

Di samping itu, sambutan juga merupakan sumbangan Ahli PIBG SMHS untuk menyokong program sekolah, yang berfokus pada akademik dan kurikulum pelajar.

Pelbagai program dan aktiviti diadakan di sepanjang acara ini berlangsung, antaranya seperti mengadakan Ceramah Motivasi dengan menjemput Penceramah Undangan, iaitu Dr. Aammton Alias (penulis buku tempatan: Real Ghost Stories of Borneo series); Silent Mass Reading; dan Jualan Buku-Buku daripada pembekal buku.

Selain itu, Ahli PIBG SMHS menyumbangkan dana kepada SMHS. Dana ini digunakan untuk membeli buku-buku keperluan perpustakaan untuk rujukan pelajar dan guru-guru.

Selaku ahli pustakawan dan wakil pihak SMHS juga tidak ketinggalan merakamkan jutaan terima kasih kepada Ahli PIBG SMHS atas sokongan dan

Siaran Akhbar dan Foto :
Sekolah Menengah
Sayyidina Husain

kerjasama yang diberikan dalam sama-sama Memperingati Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia dalam kalangan pelajar.



WAKIL Ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Menengah Sayyidina Husain (SMHS), Kampung Jerudong, Mukim Sengkurong 'B' menyumbangkan dana kepada SMHS.

HULUR SUMBANGAN PERSEDIAAN RAMADAN



MAJLIS Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) mengadakan Majlis Penyerahan Bingkisan Kasih yang merangkumi Projek Bantu Keluarga Kitani (BKK) @Foodbox Ramadan di Dewan Jabatan Daerah Brunei dan Muara, yang berkonsepkan Foodbox, di mana setiap keluarga akan menerima kotak yang diisi dengan pelbagai aneka jenis makanan asasi (kiri dan kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 9 April. - Bersempena dengan kedatangan bulan Ramadan yang akan menjelang tidak lama lagi, Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) mengadakan Majlis Penyerahan Bingkisan Kasih yang merangkumi Projek Bantu Keluarga Kitani (BKK) @Foodbox Ramadan yang diadakan di Dewan Jabatan Daerah Brunei dan Muara, hari ini, di sini.

Projek BKK tersebut disertai seramai 11 persatuan wanita yang bergabung di dalam MWNBD

malah ia juga disertai oleh Majlis Perniagaan Wanita Negara Brunei Darussalam (NBD) dan dikelolakan oleh Persatuan Siswazah Wanita NBD di mana setiap persatuan membantu tujuh hingga 10 keluarga.

Semasa majlis tersebut, seramai 177 buah keluarga dari keempat-empat daerah menerima bantuan melalui projek tersebut. Sumbangan yang dihulurkan melalui projek berkenaan adalah berkonsepkan Foodbox di mana setiap keluarga akan menerima kotak yang diisi dengan

pelbagai aneka jenis makanan asasi seperti beras, gula, minyak makan, telur, minuman campur, teh, Milo dan lain-lain lagi.

Projek berkebakikan tersebut adalah bertujuan untuk melahirkan ihsan dan simpati khususnya dalam kalangan ahli persatuan-persatuan yang bergabung dalam MWNBD sekaligus membantu meringankan lagi beban terhadap keluarga-keluarga yang kurang bernasib baik.

Projek tersebut juga merupakan salah satu cara ahli persatuan-persatuan untuk melaksanakan konsep tolong-menolong melalui amalan bersedekah kepada mereka yang susah dan memerlukan bantuan.



Pendaftaran Peperiksaan London Chamber of Commerce and Industry Jun 2021 dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 April. - Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan akan membukakan Pendaftaran Peperiksaan London Chamber of Commerce and Industry, bagi Jun 2021, bermula 7 hingga 24 April 2021.

Borang yang telah lengkap diisi, hendaklah dikembalikan ke Jabatan Peperiksaan, tidak lewat 24 April 2021.

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran, bolehlah diperoleh di Kaunter Pendaftaran, Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan semasa waktu pejabat, iaitu Isnin hingga Khamis, bermula 8.00 pagi hingga 11.00 pagi; dan 1.30 petang hingga 3.00 petang.

Manakala Sabtu, mulai 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Sementara di bulan Ramadan, pada Isnin hingga Khamis, bermula 8.15 pagi hingga 12.00 tengah hari; dan Sabtu, mulai 8.15 pagi hingga 10.00 pagi sahaja.

Kenaikan pangkat pegawai kanan kerajaan

Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 7 April. - Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Penolong Pengarah Saliran dan Pembetulan di Jabatan Kerja Raya, Awang Haji Salleh bin Haji Abd. Karim dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Saliran dan Pembetulan di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan.

Seterusnya, Penolong Pengarah di Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Dr. Awang Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Pendidikan Teknik di Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Kementerian Pendidikan.

Tarikh lantikan pegawai-pegawai berkenaan mula berkuat kuasa pada 19 Januari 2021.

Penutupan sementara jambatan di Jalan Beribi



PENUTUPAN sementara jambatan di Jalan Beribi yang bermula pada Sabtu, 10 April 2021, jam 9.00 pagi dan dijangka akan selesai dilaksanakan dalam masa lima bulan adalah bagi kerja-kerja menaik taraf jambatan tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 9 April. - Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutama kepada para pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara jambatan di Jalan Beribi yang bermula pada Sabtu, 10 April 2021, jam 9.00 pagi dan dijangka akan selesai dilaksanakan dalam masa lima bulan.

berkenaan adalah untuk memberi laluan kepada pihak pemborong melaksanakan kerja-kerja menaik taraf jambatan tersebut.

Oleh yang demikian, para pengguna jalan raya adalah dinasihatkan untuk menggunakan jalan lencongan sementara yang disediakan (sila rujuk peta) dan jalan-jalan alternatif yang berdekatan untuk melalui kawasan yang terlibat.

Sehubungan dengan itu, pihak

jabatan ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan raya supaya akan mengambil langkah untuk lebih berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut, di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas serta mematuhi had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Bagi sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi jabatan ini melalui Talian Darussalam : 123 / Live Chat 123 (+673 8333123) atau Facebook : *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* atau e-mel : *pro@pwd.gov.bn*.

فجائت سورونجاي فرخدمتن عوام
PEJABAT SURUHJAJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

Apa boleh kami bantu? Hubungi kami.
How can we help you today? Here's how to get in touch with us.

+673 7371961
query@spa.gov.bn

PELITA BRUNEI

SELERA BRUNEIKU A TASTE OF BRUNEI

Menjejak Kampung Setia 'A'



Oleh :
Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei dengan
kerjasama Jabatan Kemajuan Pelancongan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Foto :
Ihsan Jabatan Kemajuan Pelancongan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Asal usul Kampung Setia

Sejarah

Menurut penduduk kampung, penduduk Kampung Setia berasal dari Kampung Ayer yang berpindah ke suatu kawasan di perairan Sungai Pendaruan (mulanya di sempadan Daerah Temburong) pada sekitar awal tahun 1900-an. Mereka berpindah disebabkan tempat asal mereka menghadapi kesukaran untuk mencari sumber rezeki. Mata pencarian mereka adalah sebagai nelayan dan memungut hasil sungai untuk dijual di samping keperluan sendiri. Penempatan baharu ini kemudian dikenali sebagai Kampung Rangau, iaitu asal nama sebuah pokok 'Ranggu'. Lama-kelamaan penduduk kampung menyebut 'Yangau' dan kemudian menjadi 'Rangau'.

Pada tahun 1950-an berlaku pembahagian sempadan di antara Daerah Limbang, Sarawak di Daerah Temburong yang kemudiannya Kampung Rangau dimasukkan ke Daerah Limbang. Penduduk kampung tersebut tidak bersetuju dengan keputusan tersebut dan berhasrat berpindah semula ke tanah air. Pada akhir tahun 1950-an, mereka berpindah secara berperingkat-peringkat. Pada April 1964, bermulalah proses penghijrahan balik penduduk Kampung Rangau, Limbang ke Negeri Brunei berhijrah balik ke Brunei.

Mereka membuat penempatan di persisiran kuala Sungai Brunei dengan mendirikan rumah-rumah secara bergotong-royong dan penempatan baharu yang dinamakan Kampung Perpindahan Rangau Baru. Namun apabila mereka menyembahkan ikrar taat setia ke hadapan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien maka penduduk kampung tersebut telah memberikan nama 'Kampung Setia' sebagai sembah taat setia mereka yang tidak berbelah bahagi kepada baginda.

SUMBER : Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Tahukah awda

Menurut cerita daripada orang kampung, pada masa dahulu, nama 'Kampung Setia' berasal dari cerita burung-burung yang selalu terbang di kampung tersebut secara berkumpulan yang sentiasa setia bersama-sama.

Restoran Terapung

Restoran ini dikenali dengan menu keistimewaan mereka iaitu soto dan nasi ayam penyot dengan sambal pedas. Pengunjung bolehlah menjamu selera sambil menikmati pemandangan indah Kampung Ayer dan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Dibuka setiap hari
No. 127D, Kampung Setia 'A'

Syarikat Mastura dan Anak-anak (Minimart)

Terdapat beberapa kedai runcit di Kampung Ayer yang dijalankan oleh penduduk kampung dan beroperasi di rumah mereka sendiri. Pelawat bolehlah singah sebentar ke kedai runcit di atas air ini dan membeli minuman sejuk dan makanan ringan sambil menikmati pemandangan dan suasana di Kampung Ayer.

No. 126D, Kampung Setia 'A'

Haji Ahmad bin Haji Abang Man

Di sudut kedai Syarikat Mastura dan Anak-anak, selain membeli barang keperluan asas, awda akan bertemu Haji Ahmad, pemilik kedai tersebut yang berusia lebih 90 tahun yang telah berhijrah dari Sarawak pada tahun 1940-an. Beliau telah menjalani kehidupan sepenuhnya dan akan sudi bercerita mengenai kisah-kisah menarik mengenai 11 anaknya, 78 cucu dan lebih dari 100 cicit. Di kedai runcit beliau, juga terdapat mural Kampung Ayer pada zaman kegemilangannya yang dilukis pada tahun 1969 oleh Haji Bujang, salah seorang anak beliau.

No. 111D, Kampung Setia 'A'





Warisan

Kenali budaya dan tradisi masyarakat kitani

Keunikan Majlis Bebadak Mandi serlahkan adat Brunei



NEGARA kita mempunyai keunikan tersendiri dalam sesebuah majlis. Di antara majlis dalam adat perkahwinan Melayu Brunei yang sering dilangsungkan adalah Majlis Merisik, Majlis Akad Nikah, Malam Berjaga-Jaga, Majlis Berbedak, Majlis Berpacar, Majlis Bersanding dan Majlis Berambil-Ambilan.

Bagi masyarakat Melayu Brunei, adat resam perkahwinan sangat dititikberatkan, kerana ia melambangkan identiti sesuatu bangsa selain menjaga dan memelihara adat tradisi yang diwarisi sejak zaman-berzaman. Keunikan dan kehalusan budaya kita orang-orang Melayu Brunei juga perlu dipertahankan agar ia dapat dijadikan warisan yang berharga untuk generasi akan datang.

Dalam adat istiadat Melayu, masyarakat Melayu Brunei juga mempunyai istiadat yang unik dalam pengendalian Majlis Perkahwinan. Pada zaman dahulu, Majlis Perkahwinan Melayu Brunei dijalankan dalam masa dua minggu bahkan ada yang mengadakan dalam masa sebulan bagi mereka yang berkemampuan. Walau bagaimanapun dengan kekangan masa pada zaman ini menyebabkan masa untuk majlis ini semakin singkat bahkan ada yang hanya mengadakan Majlis Nikah sahaja.

Keunikan adat perkahwinan

orang-orang Brunei dapat dilihat dari segi persiapan awal sebelum Majlis Bersanding. Salah satu acara yang diadakan ialah Majlis Bebadak Mandi. Biasanya majlis ini diadakan seminggu sebelum Majlis Bersanding tertakluk kepada kemahuan pengantin. Majlis ini dihadiri oleh keluarga terdekat bagi satu pihak sahaja dan juga diadakan secara berasingan. Bagi pengantin perempuan, dalam Majlis Bebadak Mandi, hanya terdiri daripada keluarga pengantin iaitu ibu bapa, adik-beradik dan keluarga terdekat. Pengantin akan ditepung tawar dengan bedak (Tepung Beras dan Bunga Melor).

Selepas acara Majlis Bebadak Mandi dimulakan 'belulut' selama tujuh hari sehingga hari persandingan selesai. Tugas ini dijalankan oleh pengangun. Hampir menjelang seminggu sebelum Majlis Bersanding diadakan, kedua bakal pengantin lelaki dan perempuan akan mengadakan Majlis Belulut secara berasingan yang telah diwarisi sejak dahulu lagi. Ia disempurnakan oleh ibu bapa dan datuk nenek bakal pengantin untuk mengambil berkat agar tampil berseri, segar dan wangi.

Antara bahan yang digunakan oleh pengangun dalam Bedak Lulut Putih itu adalah daripada bahan-bahan campuran alam semula jadi seperti Bunga Kuning,

Bunga Gulambir Ayam, Bunga Gadong dan Bunga Melor. Bedak lulut biasanya dibuat dari beras yang ditumbuk halus. Kemudian bahan-bahan ini akan ditambah lagi dengan Minyak Wangi Ikan Duyung tetapi sekarang ramai yang menggunakan Minyak Wangi Gaharu. Bau Minyak Ikan Duyung ini sudah sinonim dalam satu-satu majlis perkahwinan dulu-dulu kerana baunya yang khas dan wangi.

Pengantin dilulur dengan bedak tradisional dari muka hingga ke hujung kaki. Selepas selesai 'berlulut', pengantin disiram dengan air (campuran Kayu Langgir dan Limau Nipis) dengan dikelilingi tujuh orang kanak-kanak memakai selendang berlainan warna dan memegang lilin. Kebiasaannya, Adat Besiram ini akan dimulakan oleh pengangun dengan membaca doa dan surah-surah. Selepas itu barulah pengantin disiram dengan air yang telah diberi bacaan tersebut oleh orang tua-tua lelaki yang terdiri daripada bapa, nenek laki, dan saudara terdekat. Dipercayai adat bersiram ini adalah untuk menyerikan wajah pengantin untuk menghilangkan bau-bauan yang kurang menyenangkan serta menjaga pengantin daripada perkara-perkara yang tidak diingini.

Setelah itu, pengantin akan menghembus lilin yang dipegang dengan menyembur dengan air

melalui mulut sebanyak tiga kali. Setelah selesai bersiram, pengantin tidak digalakkan keluar dari bilik dan makan minum akan dihidangkan oleh pengangun di bilik. Mengikut pantang larang, pengantin lelaki dan perempuan tidak dibenarkan keluar rumah kerana ditakuti perkara buruk akan berlaku menimpa pengantin. Tetapi pantang larang tersebut tidak lagi diikuti pada masa ini.

Majlis Bebadak Mandi itu selalunya diadakan pada sebelah petang atau tengah hari yang dihadiri oleh kaum keluarga terdekat sahaja untuk acara Membedaki atau Belulut. Pengantin akan memakai pakaian berwarna putih (tetapi ada juga memakai pakaian yang berwarna) dan 'galang tangan', 'galang kaki' dan berkain Jong Sarat. Suasana meriah acara tersebut dapat dirasai dengan usikan kepada bakal pengantin. Kanak-kanak juga menghidupkan suasana dengan bermain dan kemeriahan suara mereka. Bagi warga wanita, majlis inilah tempat mereka menunjukkan bakat terpendam seperti berdongang, berpantun sambil menikmati Daun Sirih dan Pinang yang diletakkan

di dalam Celapa, satu hidangan dahulu kala yang mesti ada dalam satu-satu majlis perkahwinan.

Pada waktu dahulu, dalam Majlis Bebadak pengantin perempuan akan digendong ke pelamin oleh bapa atau saudara laki-laki. Pengantin akan duduk pada tikar khas iaitu Kain Baldu berbentuk segi empat yang bersulam emas. Di setiap penjuru baldu tersebut diletakkan Dian Kuning. Di samping itu juga diletakkan bedak tradisional yang diwarnakan dengan tujuh warna dan diletakkan di tempat khas. Setelah itu, para tetamu yang terdiri daripada keluarga terdekat pengantin akan 'menculiki' bedak tersebut kepada pengantin.

Majlis Bebadak Mandi masih dilakukan masa kini tapi dilihat sebagai memenuhi kehendak orang tua-tua. Bagi generasi baharu, ada sebahagian majlis tidak dibuat dengan alasan budaya tersebut sudah lapuk, tidak sesuai dengan corak kehidupan masa kini. Walau bagaimanapun, negara kita yang kaya dengan adat istiadat yang kita ada pada masa ini perlu dipertahankan agar tidak hilang dimamah zaman.

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan dan Ihsan Hidayah Hasnan

COVAX EDAR 38 JUTA VAKSIN KEPADA 100 NEGARA DALAM MASA 42 HARI



WASHINGTON, 9 April. - Kemudahan COVAX setakat ini berjaya mengagihkan 38 juta dos vaksin COVID-19 ke lebih 100 negara dalam masa 42 hari, lapor Sputnik memetik UNICEF pada Khamis.

"COVAX sudah edar vaksin ke

lebih 100 negara sejak bekalan pertama dihantar ke Ghana pada 24 Februari," kata UNICEF dalam satu kenyataan. Kemudahan COVAX ialah inisiatif global bertujuan untuk akses vaksin yang adil, diterajui UNICEF.

"Sehingga kini lebih 38 juta dos

vaksin daripada pengeluar AstraZeneca, Pfizer-BioNTech dan Serum Institute of India (SII) diagihkan, termasuk di 61 negara yang layak mendapat vaksin di Gavi COVAX Advance Market Commitment," menurut kenyataan itu lagi.

Walaupun terdapat kekurangan bekalan pada Mac dan April kerana permintaan yang meningkat di India, COVAX berharap dapat mengedarkan dos vaksin kepada

semua negara peserta pada separuh pertama tahun ini. - ©BERNAMA

MAQIS Perlis rampas 1.4 tan ikan basah

KANGAR, 9 April. - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Perlis rampas 1.4 tan ikan basah bernilai RM5,600 kerana menggunakan dokumen yang mengelirukan.

Pengarah MAQIS Perlis Mohamad Arshad Raffin berkata pihaknya menahan sebuah lori membawa pelbagai jenis ikan basah ke negara ini di Unit Kargo Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar pada Isnin (5 April).

"Hasil pemeriksaan mendapati

bahawa pihak pengimport membawa 1,400 kilogram (1.4 tan) ikan basah yang diikrar pada permit MAQIS namun dokumen tersebut mengelirukan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata perbuatan mengimport keluaran pertanian dengan mengemukakan dokumen palsu, tidak tepat dan mengelirukan adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011(Akta728).

Katanya, jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak

melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Mohamad Arshad berkata pihaknya sentiasa memantau sebarang kemasukan dan keluaran melibatkan keluaran pertanian di setiap pintu masuk negara bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikroorganisma yang diimport ke negara ini bebas daripada perosak dan penyakit serta mematuhi syarat ditetapkan kerajaan. - ©BERNAMA

360,971 individu sudah lengkap dua dos suntikan vaksin COVID-19

KUALA LUMPUR, 9 April. - Sebanyak 360,971 individu dalam kumpulan fasa pertama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan telah melengkapkan dua dos suntikan vaksin mereka setakat semalam.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata bagi tempoh sama seramai 558,750 telah menerima dos pertama, menjadikan jumlah keseluruhan pemberian dos pertama dan kedua vaksin COVID-19 di negara ini adalah 919,721.

Dr Adham menerusi satu infografik yang dikongsikan di laman Twitter rasminya memaklumkan lima negeri menerima suntikan dos pertama

vaksin tertinggi ialah Selangor dengan 75,225, diikuti Sarawak (57,466), Perak (52,548), Sabah (52,322) dan Kuala Lumpur (51,100).

Sementara itu, lima negeri yang melengkapkan kedua-dua dos suntikan vaksin COVID-19 tertinggi setakat ini ialah Selangor dengan 48,493 individu diikuti Sabah (39,089), Perak (34,436), Kuala Lumpur (32,141) dan Sarawak (29,873).

Bagi jumlah pendaftaran untuk Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan pula, Dr Adham memaklumkan setakat semalam seramai 8,309,480 atau 34.30 peratus telah mendaftar dengan Selangor merekodkan angka

tertinggi iaitu 2,237,971.

Mengikut perancangan program imunisasi berkenaan, tempoh pelaksanaan fasa pertama pemberian vaksin bermula Februari hingga April ini melibatkan 500,000 anggota barisan hadapan termasuk petugas kesihatan.

Fasa kedua yang dijangka bermula April hingga Ogos tahun ini, membabitkan 9.4 juta warga emas berusia 60 tahun ke atas, kumpulan rentan dan Orang Kurang Upaya manakala fasa ketiga dijadual bermula Mei hingga Februari 2022 membabitkan individu 18 tahun dan ke atas dengan sasaran kira-kira 14 juta orang. - ©BERNAMA

TPM Singapura letak jawatan sebagai Ketua Pasukan 4G PAP

SINGAPURA, 9 April. - Timbalan Perdana Menteri Singapura, Heng Swee Keat memutuskan untuk mengundur diri sebagai Ketua Pasukan Generasi Keempat (4G) Parti Tindakan Rakyat (PAP).

Bagaimanapun, beliau akan kekal sebagai Timbalan Perdana Menteri, namun keputusannya secara efektif bermaksud beliau tidak akan menjadi Perdana Menteri yang seterusnya di republik itu.

Menerusi suratnya kepada Perdana Menteri, Lee Hsien Loong, yang disiarkan dalam laman web rasmi Perdana Menteri, Heng berkata keputusan itu diambil "selepas pertimbangan dan perbincangan teliti dengan keluarganya".

"Saya membuat keputusan untuk melepaskan jawatan sebagai ketua pasukan 4G, agar pemimpin lebih muda yang mempunyai masa lebih panjang dapat mengambil alih peranan itu.

"Pasukan 4G akan memilih individu itu, dan saya bersedia

menyokong pemimpin seterusnya," kata Heng yang kini berusia 60 tahun.

Beliau berkata Singapura memerlukan seorang pemimpin yang bukan sahaja akan membangunkan semula Singapura pasca-COVID, tetapi juga memimpin fasa seterusnya dalam usaha membangunkan negara.

"Tahun ini, usia saya 60 tahun. Oleh kerana krisis ini (COVID-19) akan berpanjangan, usia saya akan mencecah hampir pertengahan 60-an apabila krisis ini berakhir. Umur 60-an merupakan tempoh kehidupan yang sangat produktif.

"Tetapi, apabila saya melihat usia tiga Perdana Menteri Pertama semasa mula menyandang jawatan itu, saya akan mempunyai masa persiapan yang singkat sekiranya saya menjadi Perdana Menteri nanti," katanya.

Heng berkata Perdana Menteri yang akan datang perlu mempunyai masa yang lebih panjang untuk menguasai permintaan dalam memimpin

negara; membentuk dan melihat strategi jangka panjang untuk negara; dan memenangi keyakinan dan sokongan rakyat Singapura untuk membina masa hadapan bersama.

Ahli Parlimen GRC Pantai Timur itu adalah Penolong Setiausaha Agung Pertama PAP.

Sementara itu, dalam surat balasannya yang turut disiarkan dalam laman web itu, Lee berkata beliau memahami dan menghormati keputusan Heng.

Perdana Menteri berkata beliau gembira apabila Heng bersetuju untuk kekal dalam Kabinet sebagai timbalannya dan Menteri Penyelaras bagi Dasar Ekonomi. Lee berkata Heng akan melepaskan portfolio kewangan dalam rombakan Kabinet berikutnya.

"Anda telah melakukan tugas yang luar biasa sebagai Menteri Kewangan, khususnya pada tahun lepas dalam keadaan mencabar akibat pandemik COVID-19," kata Lee. - ©BERNAMA

COVID-19 : Turki catat kes harian tertinggi

AMMAN, 9 April. - Turki pada Rabu mencatatkan 54,740 kes baharu COVID-19, kes harian tertinggi sejak wabak mula dikesan di negara ini, lapor Agensi Berita Jordan (Petra).

Data Kementerian kesihatan menunjukkan jumlah kematian harian terbaru juga adalah yang tertinggi setakat ini iaitu seramai 276, menjadikan jumlah korban keseluruhan 32,943 orang. - ©BERNAMA

Iran bebaskan kapten, kapal tangki Korea Selatan

SEOUL, 9 April. - Iran membebaskan kapten dan kapal tangki minyak Korea Selatan kira-kira tiga bulan selepas menahan kapal itu kerana didakwa menyebabkan pencemaran minyak.

Kementerian Luar Korea Selatan pada Jumaat berkata kapal itu dan kapten serta 12 kru, meninggalkan pelabuhan Iran kira-kira 6 pagi (waktu Iran), lapor Agensi Berita Yonhap. - ©BERNAMA

Insiden tembakan di AS, satu maut, lima cedera

HOUSTON, 9 April. - Seorang maut manakala lima yang lain cedera dalam satu insiden tembakan di Texas, Amerika Syarikat (AS) pada Khamis petang, lapor Xinhua, memetik polis tempatan.

Polis berkata kejadian berlaku di sebuah kompleks industri kira-kira 2.30 petang (1930 GMT) di bandar Bryan, Texas, Bryan. Empat daripada lima mangsa yang cedera dilaporkan parah.

Seorang lagi mangsa yang cedera dikenal pasti sebagai anggota Pasukan Keselamatan Awam (DPS) Texas yang ditembak semasa memburu suspek. Menurut Texas DPS, keadaan pegawai itu serius tetapi stabil.

Ketua Polis Bryan Eric Buske memberitahu wartawan suspek lelaki itu dipercayai pekerja di sebuah kedai membuat kabinet di kompleks industri berkenaan.

Menurut polis, lelaki itu ditahan di Bedias, sebuah komuniti kecil di Bryan. Motif kejadian masih disiasat. Bryan terletak kira-kira 160 kilometer barat laut Houston, Texas. - ©BERNAMA

Thailand : Jumlah kes baharu COVID-19 terus melonjak

BANGKOK, 9 April. - Kes COVID-19 di Thailand kini melepasi angka 30,000 ketika negara berdepan gelombang baharu jangkitan dan kemunculan varian yang sangat mudah merebak.

Thailand mencatat 405 kes baharu termasuk 391 penularan tempatan dan sifar kematian dalam tempoh 24 jam lalu, menjadikan jumlah jangkitan sebanyak 30,310 dan 95 kematian.

Gelombang baharu itu dikaitkan dengan pusat hiburan di Bangkok dan kemunculan varian COVID-19 B117 UK.

Untuk memutuskan rantaian jangkitan, Thailand merancang menutup pusat hiburan di Bangkok dan di 40 wilayah sekurang-kurangnya dua minggu.

Jurucakap Pusat Pentadbiran Situasi COVID-19 (CCSA), Thaweesilp Wisanuyothin berkata pusat itu akan mencadangkan kepada sektor awam dan swasta supaya petugas bekerja dari rumah untuk mengurangkan perjalanan tidak penting dan risiko jangkitan.

"Setakat ini kluster pusat hiburan di Bangkok sudah merebak ke 20 wilayah," katanya pada taklimat harian COVID-19, di sini, hari ini.

Perdana Menteri, Prayuth Chan o-cha, yang akan mempengerusikan mesyuarat CCSA esok, dijangka membincangkan mengenai peningkatan kes itu.

Media tempatan melaporkan pihak berkuasa mungkin akan mempertimbangkan semula tempoh kuarantin yang diperkenalkan bulan ini.

Thailand mengurangkan tempoh kuarantin kepada tujuh dan 10 hari mulai 1 April berbanding 14 hari sebelum ini.

Sementara itu, Menteri Dalam Negeri, Anupong Paochinda berkata sekatan pergerakan seluruh negara tidak perlu dilaksanakan buat masa ini.

Beliau berkata, Prayuth sudah memberi kebenaran kepada gabenor dan jawatankuasa penyakit berjangkit di setiap wilayah untuk mengambil tindakan bergantung kepada situasi di kawasan masing-masing.

"Situasi wabak di setiap wilayah mungkin berbeza-beza jadi gabenor boleh mengambil langkah yang sesuai untuk mengurangkan kesan buruk terhadap ekonomi masyarakat setempat," katanya, seperti dipetik The Nation. - ©BERNAMA



TENTERA MYANMAR RAMPAS KEDUTAAN MYANMAR DI LONDON

LONDON, 8 April. - Duta dan kakitangan Kedutaan Myanmar di London diarah meninggalkan bangunan kedutaan pada Rabu, lapor Agensi Anadolu. Dutanya Kyaw Zwar Minn berkata, beliau dan petugas kedutaan diminta keluar dari bangunan kedutaan itu oleh

seorang wakil tentera Myanmar di United Kingdom (UK).

"Mereka tidak membenarkan saya masuk ke kedutaan. Mereka kata mereka dapat arahan daripada pihak bandaraya itu, jadi mereka tidak akan membenarkan saya masuk."

"Ini rampasan kuasa. Sini adalah UK. Kami bukan berada di Myanmar. Mereka tidak boleh buat seperti ini. Kerajaan Britain tidak akan benarkan ini berlaku,"

katanya.

Seorang pengguna Twitter menulis: "Komuniti Burma (Myanmar) di London ketika ini berkumpul di kedutaan #Myanmar berikutan berita menyatakan kedutaan dirampas rejim."

Zwar Minn telah menyuarakan bantahannya terhadap kudeta dan menuntut pembebasan pemimpin Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD) Aung San Suu Kyi dan pegawai kanan kerajaan yang

lain.

Beliau juga bertemu Setiausaha Luar UK Dominic Raab untuk menyatakan bantahannya terhadap kekejaman tentera di Myanmar.

Sekurang-kurangnya 581 orang di Myanmar terkorban sejak rampasan kuasa tentera pada 1 Februari lalu dan sehingga 6 April, seramai 2,750 orang ditahan, 38 daripadanya dijatuhi hukuman. - ©BERNAMA

Arab Saudi di tempat kedua indeks keyakinan pengguna

RIYADH, 8 April. - Arab Saudi menduduki tempat kedua dalam Indeks Keyakinan Pengguna dunia untuk Mac 2021, lapor Agensi Berita Arab Saudi (SPA).

Indeks itu mengukur status semasa dan akan datang 23 pasaran global.

Arab Saudi memperoleh 61.4 mata 15.7 mata lebih tinggi berbanding purata global 45.7 mata.

China menduduki tempat teratas sejak beberapa bulan lalu dan mendahului pasaran utama dunia di Sweden, India, Australia, Amerika Syarikat, Jerman, Britain, Kanada, Belgium dan Perancis.

Tinjauan itu mengukur empat petunjuk utama; trend ekonomi tempatan, persekitaran pelaburan negara, kemampuan kewangan peribadi pengguna dan keselamatan pekerjaan.

Tahun lalu, Arab Saudi di kedudukan ke-38. - ©BERNAMA

Sarjana Zimbabwe puji kejayaan China basmi kemiskinan

BEIJING, 8 April. - Kertas putih mengenai usaha China membasmi kemiskinan yang dikeluarkan pada Selasa, mendapat pujian tokoh pembagai negara.

Mereka berpendapat bahawa kejayaan China dalam usaha tersebut menyediakan pengalaman bermanfaat kepada negara lain, dan merupakan satu sumbangan penting kepada dunia.

Ahli penyelidikan dari Pusat Pertukaran dan Penyelidikan Ekonomi dan Budaya China-Afrika di Zimbabwe, Donald Rushambwa berkata, Zimbabwe boleh menimba pengalaman China dalam menghapuskan kemiskinan.

Beliau yang pernah melanjutkan pengajian ijazah sarjana dan menjadi sarjana pelawat di China pada 2014 hingga 2019, berkata antara pengalaman yang boleh diguna pakai ialah usaha mengoptimalkan sumber manusia serta mempertingkatkan peruntukan kepada sektor pertanian dan pendidikan.

Justeru jelas Rushambwa yang telah melawat ke beberapa wilayah di China, ia sekali gus dapat membantu Zimbabwe merealisasikan matlamat pembasmian kemiskinan.

Beliau juga menghargai sumbangan China dalam membantu negara Afrika mengatasi masalah kemiskinan.

"Walaupun mempunyai banyak sumber, namun negara Afrika kekurangan teknologi untuk memanfaatkannya, maka memerlukan pelaburan asing. Dalam pada itu, banyak bantuan dan sokongan yang telah dihulurkan China."

"China sedang membantu negara Afrika memajukan infrastruktur. China juga muncul sebagai rakan dagang terbesar bagi Afrika. Hal ini telah memacu pembangunan sosioekonomi Afrika, di samping mendorong perkembangan hubungan kedua-dua pihak," ujar Rushambwa. - ©BERNAMA

EU kenakan sekatan baharu ekonomi terhadap Junta di Myanmar

PARIS, 7 April. - Kesatuan Eropah (EU) akan mengenakan sekatan ekonomi baharu terhadap tentera Myanmar, kata Menteri Luar Perancis Jean-Yves Le Drian pada Selasa, lapor Sputnik.

Bulan lalu, blok itu mengenakan sekatan terhadap 11 individu dari Myanmar, termasuk komander tertinggi tentera dan pengerusi baharu suruhanjaya pilihan raya susulan rampasan kuasa dan kekerasan yang digunakan ke atas penunjuk perasaan.

"Rampasan kuasa berlaku dua bulan lalu dan situasi semakin buruk ... Kita menyaksikan kekejaman yang belum pernah terjadi sebelum ini... Kita mesti bertindak dan EU telah menambah sekatan ekonomi ke atas tentera Myanmar," kata menteri itu ketika berucap di Dewan Rakyat.

Katanya, EU sudah menghentikan dana untuk program kerajaan di Myanmar, sebaliknya meningkatkan bantuan kepada rakyat termasuk bantuan kemanusiaan.

Tentera Myanmar melancarkan rampasan kuasa pada 1 Februari yang mencetuskan tunjuk perasaan besar-besaran.

Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), sekurang-kurangnya 568 orang terbunuh setakat ini, sementara ribuan yang lain ditahan. - ©BERNAMA

Sekatan Barat dilihat tidak mampu pulihkan demokrasi di Myanmar - Laporan

BANGKOK, 8 April. - Tekanan diplomatik dan sekatan yang agak lemah oleh Barat dilihat tidak memberikan kesan untuk memulihkan demokrasi di Myanmar, memetik laporan.

Tinjauan Fitch Solutions Country Risk and Industry Research, agensi di bawah Fitch Solutions Group Ltd mendapati sekatan ke atas pegawai tertinggi tentera, individu berkaitan, entiti perniagaan selain menghentikan dan membekukan dana awam kemungkinan tidak berkesan.

Usaha untuk melumpuhkan akses kepada dana menjadi cabaran besar kerana tentera Myanmar masih boleh memperoleh bantuan kewangan dari dua konglomerat - Myanmar Economic Holdings Public Company Limited dan Myanmar Economic Corporation.

"Entiti-entiti ini aktif di banyak sektor ekonomi termasuk pengangkutan, pelancongan dan perbankan, menyediakan tentera dana berbilion dolar sejak 1990, menurut Amnesty International."

"Malah ketika pandemik melanda yang menjejaskan pendapatan pengangkutan dan pelancongan,

angkatan tentera masih memiliki hasil cukai daripada minyak dan gas," kata laporan itu.

Menurut Kementerian Elektrik dan Tenaga, Myanmar sudah memberikan 38 blok minyak dan gas luar pesisir kepada syarikat seperti Royal Dutch Shell Plc, Total SE, Woodside Petroleum Ltd., China National Petroleum Corp., Reliance Industries Ltd. dan Eni SpA, sejak tiga dekad lalu.

Pada awal April tahun ini, Total SE berkata syarikat itu masih menghasilkan gas di Myanmar dan membayar cukai kepada negara untuk melindungi pekerjaannya daripada dijadikan buruh paksa dan dipenjarakan.

Syarikat itu juga menyediakan bekalan elektrik ke bandar Yangon dan barat Thailand.

Pada 1 Februari lalu tentera Myanmar melancarkan rampasan kuasa dan menahan Kaunselor Negara, Aung San Suu Kyi, Presiden Win Myint dan pemimpin kanan Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD).

Berikutan itu Myanmar dilanda tunjuk perasaan yang mencetuskan pertumpahan darah. Fitch Solutions meramalkan

pergolakan politik di Myanmar akan berlarutan selama bertahun-tahun, keadaan akan bertambah buruk sebelum dapat pulih seperti biasa.

"Kami jangka Myanmar mungkin menjadi negara yang gagal dalam tempoh jangka sederhana. Kami berpendapat dengan meningkatnya keganasan terhadap orang awam dan etnik militia menunjukkan tentera semakin hilang pertimbangan."

"Dengan kakitangan sektor swasta dan awam tidak datang bekerja, ekonomi juga akan merudum," katanya.

Laporan itu turut mendedahkan kemungkinan risiko berlakunya satu lagi perang saudara / pemisah dan apakah kebangkitan rakyat mampu untuk meranapkan kerajaan tentera.

"Apakah tentera akan muncul sebagai pemenang, kami percaya bahawa Myanmar, terutama setelah pertumpahan darah dan jenayah perang oleh tentera, negara ini mungkin akan mengalami nasib yang sama dengan Korea Utara dan dipulaukan kebanyakan masyarakat antarabangsa," tambah laporan itu. - ©BERNAMA

Mekah sedia terima jemaah umrah yang sudah divaksin sempena Ramadan

JEDDAH, 8 April. - Mekah bersedia untuk menerima jemaah umrah yang sudah menerima suntikan vaksin sempena Ramadan, lapor Agensi Berita Arab Saudi (SPA).

Perkara itu diumumkan pihak berkuasa berkaitan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Haji yang dipengerusikan Penasihat kepada Penjaga Dua Masjid Suci, selaku Gabenor Mekah Putera Khaled Al-Faisal, pada Rabu.

Putera Khaled yang juga pengerusi jawatankuasa itu menekankan mengenai kepentingan usaha dan koordinasi bersepadu untuk memastikan semua persediaan menyambut kedatangan jemaah berjalan lancar demi keselamatan pengunjung di Dua Masjid Suci.

Dalam mesyuarat itu, Kementerian Haji dan Umrah turut mengemukakan pelan musim Ramadan, meliputi peningkatan operasi Masjidil Haram sambil

mematuhi semua langkah pencegahan dikeluarkan pihak berwajib.

Permit menunaikan Umrah akan diberikan kepada mereka yang sudah menerima dua dos vaksin COVID-19, mereka yang imun selepas 14 hari menerima dos pertama, dan mereka yang imun serta sudah pulih daripada jangkitan.

Permohonan permit untuk menunaikan Umrah, solat dan lawatan, slot waktu yang ada dan pengesahan akan dibuat melalui aplikasi (Eatmarna) dan (Tawakkalna).

Pengurusan Hal Ehwal Masjidil Haram dan Masjid Nabawi turut mengemukakan pelan operasi mereka sepanjang Ramadan yang akan dilaksana oleh 4,422 petugas.

Di bawah pelan operasi itu, 14 laluan disediakan untuk Tawaf dan tiga laluan paling hampir dengan Ka'bah dikhaskan kepada warga emas serta orang kurang upaya.

Hampir 5,000 pekerja lelaki dan wanita akan melakukan operasi pensterilan dan pembasmian kuman secara kerap, poster panduan turut akan diletakkan di semua ruang solat untuk meningkatkan kepatuhan kepada penjarakan sosial.

Di samping itu, Lapangan Terbang King Abdulaziz, turut menempatkan pasukan khas untuk menyambut ketibaan jemaah dan akan bekerjasama dengan agensi kerajaan serta penyedia perkhidmatan.

Pasukan itu akan mengendalikan jemaah semasa di lapangan terbang termasuk di terminal ketibaan dan pelepasan untuk memastikan jemaah mematuhi garis panduan ditetapkan Kementerian Kesihatan.

Semua kemudahan pengangkutan turut disediakan termasuk perkhidmatan Kereta Api Berkelajuan Tinggi Haramain serta menetapkan laluan ekspres untuk jemaah umrah. - ©BERNAMA

MOSCOW, April 7. - Golongan kaya menyaksikan kekayaan mereka menokok sehingga 60 peratus ketika dunia bergelut wabak selain 660 orang kini bergelar jutawan, catatan tertinggi ketika ini, menurut Senarai Jutawan Dunia 2021 Forbes, lapor Sputnik.

Secara keseluruhan, seramai 2,755 orang berjaya menempatkan diri ke senarai itu, juga suatu rekod baharu. Mereka yang baharu tersenarai termasuk 210 orang dari China dan Hong Kong serta 98 dari Amerika Syarikat.

Untuk empat tahun

JUTAWAN DUNIA SEMAKIN KAYA WAKTU PANDEMIK



berturut-turut, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Amazon, Jeff Bezos, menduduki takhta lelaki terkaya dunia dengan mengumpul US\$177 bilion keuntungan bersih.

CEO SpaceX dan Tesla, Elon Musk, yang dianggarkan memiliki kekayaan bersih US\$151 bilion, melonjak daripada tangga ke 31 ke

tempat kedua. Jutawan barangan mewah Perancis, Bernard Arnault, kekal di tempat ketiga.

Bill Gates, pengasas Microsoft pula di tangga keempat dengan US\$124 bilion.

Sementara itu, pemegang saham utama dan pengerusi syarikat perlombongan Severstal,

Alexey Mordashov (US\$29.1 bilion), buat pertama kali berada di tangga teratas jutawan Rusia.

Pengasas aplikasi Telegram, Pavel Durov, buat pertama kali

muncul dalam senarai 10 terkaya Rusia, selepas mengumpul US\$17.2 bilion tahun lalu, berbanding US\$13.8 bilion tahun sebelumnya. - ©BERNAMA

Iran, Malaysia mahu perluas kerjasama dua hala

TEHRAN, 7 April. - Iran bersedia untuk memperluas hubungan dua hala yang lebih komprehensif dan meningkatkan kerjasama dengan Malaysia dalam pelbagai bidang, kata Timbalan Menteri Luar untuk ekonomi, Rasoul Mohajer.

Agensi Berita Iran (IRNA) pada Selasa melaporkan Mohajer berkata demikian selepas mengadakan pertemuan dengan Timbalan Menteri Luar Datuk Kamarudin Jaafar yang mengadakan lawatan kerja sehari ke republik itu.

Berdasarkan kepada hubungan

dua hala kedua-dua negara selama ini, Mohajer mengumumkan kesediaan Iran untuk memperluas lagi hubungan komprehensif dan kerjasama dengan Malaysia.

Beliau turut meminta kerajaan Malaysia membantu mempermudah interaksi komersial dan perniagaan antara sektor swasta dan awam kedua-dua negara.

Timbalan menteri luar Iran itu turut mengulas mengenai ahli perniagaan, individu berpendidikan dan juga golongan elit Iran yang

berjaya di Malaysia.

Namun, katanya beberapa isu yang dihadapi di Malaysia termasuk urusan perbankan, kewangan, konsular, kehakiman dan pertukaran pesalah perlu ditangani.

Sementara itu, Kamarudin menyatakan tujuan utama lawatannya adalah untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala terutama dalam bidang komersial dan ekonomi.

Sebelum ke Iran, Kamarudin turut melawat Turki dan Qatar. - ©BERNAMA

AS kenakan sekatan ke atas syarikat permata Myanmar

WASHINGTON, 9 April. - Amerika Syarikat (AS) pada Khamis mengenakan sekatan ke atas perusahaan permata Myanmar untuk menyekat sumber pendapatan utama negara itu, lapor Sputnik.

"Hari ini, Pejabat Kawalan Aset Asing (OFAC) Jabatan Perbendaharaan AS kenakan sekatan ke atas Myanmar Gems Enterprise (MGE), entiti yang bertanggungjawab untuk semua aktiviti perniagaan batu permata di

Burma (Myanmar)," kata Jabatan Perbendaharaan dalam satu kenyataan pada Khamis.

"Rejim tentera Burma (Myanmar) secara kejam menindas penunjuk perasaan pro-demokrasi di negara itu dan menyebabkan banyak korban termasuk kanak-kanak."

"Tindakan hari ini menunjukkan komitmen Perbendaharaan untuk menyekat sumber pembiayaan tentera Burma, termasuk syarikat utama milik kerajaan di seluruh Burma," kata pengarah OFAC

Andrea Gacki.

Berikutan itu, semua harta dan kepentingan entiti yang ada di AS atau dalam pemilikan atau kawalan orang AS disekat dan mesti dilaporkan kepada OFAC.

Di samping itu, mana-mana entiti yang dimiliki, secara langsung atau tidak langsung, 50 peratus atau lebih oleh satu atau lebih orang juga akan dikenakan sekatan. "Sekatan itu tidak ditujukan kepada rakyat Burma," kata jabatan itu. - ©BERNAMA

Burgernita platform wanita jana pendapatan

KUALA LUMPUR, 7 April. - Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pernah menjadi tempoh getir buat ibu tunggal, Aminah Mat Yusof, 41, gara-gara hilang pekerjaan dan punca pendapatan sebagai peniaga katering.

Ibu kepada tiga anak itu bagaimanapun tidak mahu terus mengalah lantas bangkit menyertai perniagaan Burgernita yang diperkenalkan Kelab Wanita Ikon Malaysia (KWIM), sebuah badan bukan kerajaan yang bertujuan membangun dan memperkasakan wanita seluruh Malaysia.

Meskipun perniagaan burger di tepi jalan sering dipelopori kaum Adam, namun bagi Aminah perniagaan itu juga mudah untuk dikuasai berikutan makanan tersebut digemari pelbagai lapisan masyarakat.

"Saya menyertai perniagaan ini selepas hilang punca pendapatan akibat pelaksanaan PKP. Alhamdulillah, saya mampu menjual hingga 40 biji burger sehari

sejak membuka gerai bulan lepas," katanya ketika ditemui selepas pelancaran Burgernita, di sini semalam.

Aminah adalah antara 15 peserta Burgernita yang mula menjalankan perniagaan tersebut di Ampang, Selangor sejak bulan lepas.

Sementara itu, Pengerusi dan Presiden (KWIM) Datuk Normaziah Sheikh Mohamed berkata Burgernita adalah satu model perniagaan bersepadu yang diwujudkan bagi memberi peluang perniagaan secara sama rata kepada golongan wanita khususnya kumpulan terpinggir, ibu tunggal dan B40.

Menurutnya, usaha tersebut untuk membantu dan memperkasa golongan wanita yang terkesan dengan pelbagai cabaran ekonomi dan sosial yang semakin sengit.

"Idea ini tercetus pada Mac 2020 ketika pelaksanaan PKP selepas melihat ramai golongan berkenaan terhimpit dan hilang punca pendapatan akibat penularan pandemik COVID-19.

"Perniagaan burger dipilih setelah mengkaji dan meneliti keadaan ekonomi dan pasaran semasa yang dilihat mampu menjana pendapatan mereka secara berterusan," katanya.

Menurutnya setiap wanita yang menyertai Burgernita akan menerima satu set gerai burger serba lengkap selain diberi latihan serta bimbingan secara teori dan praktikal.

"Kita menasaskan untuk membuka 700 gerai Burgernita di seluruh negara dalam tempoh tiga tahun. Buat masa ini, kita baru sahaja membuka 15 gerai Burgernita di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Terengganu dan Kedah," katanya.

Hala tuju KWIM adalah berpandukan lima teras, iaitu; Ekonomi, Pendidikan, Budaya, Kesihatan dan Keselamatan bagi mewujudkan golongan wanita yang berpengetahuan dan berdaya saing untuk menikmati kualiti kehidupan yang lebih sempurna. - ©BERNAMA

Semua golongan dewasa Amerika akan disuntik vaksin COVID-19 menjelang 19 April

WASHINGTON, 7 April. - Presiden Joe Biden pada Selasa berkata semua golongan dewasa Amerika akan menerima vaksin COVID-19 masing-masing menjelang 19 April, lapor Agensi Berita Xinhua.

Beliau mengumumkan perkara itu selepas melawat pusat vaksinasi di Alexandria, Virginia. Sebelum ini sasaran yang ditetapkan menjelang 1 Mei.

Presiden Amerika Syarikat itu menasaskan sejumlah 200 juta dos akan diberikan menjelang 100 hari pentadbirannya, setakat 75 hari sebanyak 150 juta dos sudah disuntik.

Pada masa sama beliau menggesa rakyat Amerika untuk terus mengamalkan langkah-langkah pencegahan kerana perjuangan melawan wabak masih belum berakhir. - ©BERNAMA

Dituduh terima rasuah, Menteri Pertahanan Namibia letak jawatan

WINDHOEK, 7 April. - Menteri Pertahanan Namibia Peter Vilho meletakkan jawatan selepas terpalit dengan tuduhan menerima sogokan, lapor Agensi Berita Xinhua.

"Dalam surat peletakkan jawatannya Vilho menyatakan tidak dapat meneruskan tugasnya memandangkan tumpuan media terhadapnya dan keadaan itu sangat mengganggu tugasnya," kata jurucakap Dewan Negara Alfredo Hengari Vilho dalam satu kenyataan pada Selasa.

Vilho sebelum itu bertemu Presiden Hage Geingob untuk menjelaskan tuduhan mengenai pendapatan yang diperoleh secara tidak sah dan disimpan dalam akaun bank asing yang tidak diisytiharkan atas namanya.

Beliau didakwa menerima rasuah untuk tender senjata bernilai US\$124 juta kira-kira 13 tahun lalu. - ©BERNAMA

Sebelum September 2019, data lebih 530 juta pengguna Facebook 'Dicuri'

WASHINGTON, 7 April. - Gergasi platform media sosial Amerika Syarikat (AS), Facebook menyatakan data lebih 530 juta penggunanya 'dicuri' dan menegaskan kejadian berlaku untuk tempoh sebelum September 2019, lapor Sputnik.

"Pada 3 April, Business Insider menerbitkan laporan menyatakan maklumat daripada lebih 530 juta pengguna Facebook, didedahkan menerusi sebuah pangkalan data terbuka.

"Kami mempunyai pasukan yang dihaskan untuk menangani isu seperti ini dan faham terhadap kesan yang bakal dialami oleh mereka yang menggunakan perkhidmatan kami.

"Penting untuk difahami bahawa pelaku yang berniat jahat ini memperoleh data bukan menerusi tindakan menggodam sistem, sebaliknya mencurinya daripada platform kami sebelum September 2019," kata Facebook menerusi satu kenyataan pada Selasa.

Facebook berkata mereka percaya data terbabit dicuri atau 'dikikis' menggunakan platform import kenalan.

"Sebaik kami mengetahui bagaimana pelaku menggunakan ciri ini pada 2019, kami membuat perubahan kepada platform import kenalan itu.

"Dalam kes ini, kami mengemas kini platform itu bagi mengelak anasir jahat menggunakan perisian ini untuk meniru aplikasi kami dan memuat naik sejumlah set nombor telefon untuk melihat nombor mana yang sepadan dengan nombor pengguna kami.

"Menerusi fungsi sebelum ini, pelaku boleh meminta mendapatkan sejumlah set profil pengguna dan mendapatkan maklumat pengguna terbabit termasuk profil umum," menurut kenyataan berkenaan.

Bagaimanapun, Facebook menegaskan, maklumat yang terdedah tidak termasuk maklumat kewangan, kesihatan atau kata laluan. - ©BERNAMA



Kembalikan taraf sukan Bola Baling



Rencana dan Foto :
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

HASRAT untuk mengembalikan mutu sukan Bola Baling (*handball*) di negara ini ialah dengan mengasuh dan mencari bakat-bakat baharu untuk berkecimpung dalam sukan tersebut.

Memperkenalkan sukan tersebut ke pelbagai peringkat merupakan tujuan penting bagi Persekutuan Bola Baling Negara Brunei Darussalam (BHF) setelah mengalami ketandusan pemain apatah lagi ketika dunia pada masa ini sedang mengalami wabak COVID-19 dan kesannya turut di rasakan di negara ini yang menyebabkan pelbagai aktiviti terpaksa di

hentikan sementara.

Justeru dengan memperbanyakkan lagi program pembangunan pemain terutama dalam kalangan belia khususnya di peringkat pelajar menjadi sasaran utama persekutuan ini.

Bola Baling merupakan gabungan daripada beberapa kemahiran asas Bola Jaring, Bola Keranjang, Futsal dan Bola Sepak. Permainan ini mulai mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai satu permainan yang diminati.

Dari segi populariti, Bola Baling sudah menjadi permainan yang setanding dengan permainan-permainan lain.

Gelanggang untuk bermain sukan

ini adalah mengikut standard berukuran 20 meter kali 40 meter. Garisan kawasan gol atau garisan 6 meter adalah merupakan garisan paling penting.

Semua pemain kecuali penjaga gol dibenarkan berdiri di dalam kawasan gol. Tiang gol adalah 2 meter tinggi dan 3 meter lebar.

Manakala jumlah pemain dalam satu pasukan mengandungi 12 orang pemain. Semasa permainan, hanya diwakili tujuh orang dibenarkan beraksi termasuk seorang penjaga gol. Pemain simpanan boleh menggantikan pemain di dalam gelanggang pada bila-bila masa dengan syarat pemain di dalam gelanggang keluar terlebih dahulu sebelum pemain simpanan masuk.

Sejarah awal pelancaran penubuhan BHF ialah pada 12 Mac 2012 oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja

Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC).

Persekutuan ini telah mendapat kebenaran penubuhannya pada pertengahan bulan Disember 2011 namun Protim Sukan Bola Baling telah ditubuhkan lebih awal dari itu iaitu pada bulan Januari 2007 dan seterusnya pada tahun yang sama telah mengadakan kejohanan pertama secara terbuka.

Untuk menyaksikan perkembangan sukan ini terus bernafas, Persekutuan Bola Baling Brunei sedang giat memburu bakat-bakat baharu khususnya golongan muda untuk dijadikan sebagai pelapis kepada pemain yang ada pada masa ini.

Mereka telah mengadakan latihan sebanyak tiga kali seminggu iaitu pada Selasa dan Rabu (dari jam 4.00 hingga 6.00 petang) dan Jumaat (8.00 hingga 10.00 pagi) di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Menurut Jurulatih sukan tersebut, Adam Tan Chin Wai, dengan pengejaran pemain-pemain yang berbakat sudah setentunya akan diserapkan ke dalam pasukan kebangsaan.

Dengan terbentuknya pasukan kebangsaan itu nanti secara langsung ia sebagai persiapan bagi menghadapi mana-mana kejohanan terutama Sukan SEA dua tahun yang akan datang di Viet Nam.

Katanya, pada masa ini mereka telah merancang beberapa pelan termasuk untuk mendatangi ke beberapa buah sekolah untuk mempromosikan sukan berkenaan sebagai langkah program pembangunan.

Dalam *roadshow* itu nanti, pembarigaaan menyasarkan kepada golongan sasaran selain mereka juga akan menekankan kepada kursus seperti kejurulatihan, pengadil dan sebagainya.

Antara penyertaan pasukan negara di luar negara termasuklah ketika beraksi di kejohanan wanita berumur 17 tahun kebawah pada tahun 2019 yang berlangsung di Jakarta, Indonesia iaitu dibawah kelolaan International Handball Federation (IHF).

Pada penyertaan tersebut pasukan negara berjaya menduduki tempat tiga bersama.



Sukan

INFO SUKAN

PERSATUAN Tae kwan do mula ditubuhkan pada tahun 1972 dan berdaftar di Persekutuan Tae kwan do Dunia atau World Tae kwan do Federation (WTF) serta diiktiraf sebagai Persatuan Kebangsaan oleh Jabatan Belia dan Sukan. Sukan Tae kwan do sudah berkembang maju dan canggih dengan penggunaan Protector Scoring System, di mana pemarkahan dinilai menggunakan sistem digital dan sensor.



ePaper Pelita Brunei

NILAI KREDIBILITI, KEMAMPUAN PEMAIN

Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Jumaat, 9 April. - Lebih daripada 50 pemain bola sepak belia lelaki berumur 20 tahun ke bawah yang lahir antara tahun 2001 / 2004 dari Daerah Tutong serta terdiri daripada pemain bola sepak yang berpengalaman mahupun yang belum pernah mengikuti sebarang kejohanan, turut serta bagi sesi pemilihan untuk diserapkan ke dalam Program Bola Sepak yang dikendalikan oleh Persatuan Bola Sepak Amatur Daerah Tutong (TDAFA) sekali gus bagi mewakili daerah ini.

Tujuan pemilihan tersebut adalah untuk memilih pemain-pemain bola sepak dalam kalangan belia di daerah ini dan berumur di bawah 20 tahun serta mempunyai bakat dan potensi untuk dikembangkan serta apa yang penting meningkatkan lagi potensi mereka.

Selain itu, ia juga bertujuan bagi menilai kredibiliti dan kemampuan pemain, di samping melihat persefahaman pemain itu sendiri dengan pemain-pemain yang lain.

Bagi pemain yang terpilih mengikuti program berkenaan, mereka akan mengikuti program yang dibuat oleh jurulatih dan berlatih selama dua kali dalam satu minggu atau berlatih mengikut jadual yang ditentukan oleh jurulatih yang



ANTARA aksi dalam sesi pemilihan pemain bola sepak yang berumur 20 tahun ke bawah untuk diserapkan ke dalam Program Bola Sepak yang dikendalikan oleh Persatuan Bola Sepak Amatur Daerah Tutong.

dilantik.

Pemilihan selama satu hari yang berlangsung di Padang Bola Sepak Kompleks Sukan Tutong itu bermula dari jam

7.30 pagi bagi sesi pendaftaran dan sesi pemilihan bermula jam 8.00 hingga 10.00 pagi. Lebih lima jurulatih yang terlibat dalam sesi pemilihan berkenaan.



Kenal pasti belia berbakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 9 April. - Pasukan Armada meraih kemenangan setelah berjaya menewaskan Pasukan Kyojins dengan 10-9 dalam Kategori Lelaki pada Liga Mini Persekutuan Bola Baling Brunei (Brunei Handball Federation) (Edisi 1) 2021.

Sementara itu, bagi Kategori Wanita dimenangi oleh Pasukan Ranger setelah berjaya menewaskan Pasukan Power dengan 6-4.

Pada Liga Mini yang diadakan di Dewan Serbaguna, Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah tersebut,

SEBAHAGIAN aksi dalam perlawanan Liga Mini Persekutuan Bola Baling Brunei (Brunei Handball Federation) (Edisi 1) 2021 tersebut.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Awang Abdul Waliyulhakim bin Saiful Rizal dan Dayang Faiqah Solehah binti Haji Aznan diumumkan sebagai Penjaring Terbanyak manakala Persembahan Terbaik disandang oleh Mohammad Asyraf Hamidin bin Haji Mustapa dan Dayang Nur Fadzillah binti Mulyadi.

Liga Mini Persekutuan Bola Baling Brunei (Edisi 1) disertai seramai 48 pemain yang dibimbing oleh Setiausaha Kehormat, BHF, Adam Tan Chin Wai yang juga selaku Jurulatih Sukan berkenaan.

Adapun Liga Mini diadakan bagi mendedahkan dan mengembangkan lagi sukan Bola Baling (*handball*) kepada masyarakat umum agar masyarakat lebih kenal lagi mengenai sukan tersebut di negara ini yang mana sukan ini juga tersenarai dalam sukan Olimpik.

Selain itu, ia bertujuan bagi mengenal pasti belia-belia yang mempunyai bakat dan menguji bakat para pemain untuk persediaan awal dalam pertandingan jempunan International Handball Federation (IHF).

Kejohanan bagi Edisi 2 akan diadakan pada bulan Ogos nanti. Ia dibukakan dalam Kategori Umur Bawah 16 Tahun (Pasukan Lelaki dan Wanita) bagi Pelajar Sekolah Menengah; Kategori Umur 19 hingga 23 Tahun (Pasukan Lelaki dan Wanita) Remaja bagi Penuntut Institut Pendidikan Tinggi; dan Kategori Terbuka.

Tahukah Awda

BENDERA Negara Brunei Darussalam dalam bentuknya yang ada sekarang kecuali lambangnya telah digunakan semenjak tahun 1906 ketika Brunei menjadi sebuah naungan berikutan dengan satu perjanjian yang ditandatangani di antara Brunei dengan Great Britain. Lambang itu telah ditekankan dalam tahun 1959 selepas Pemasyhuran Perlembagaan yang bertarikh 29 September 1959.

SUMBER : Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.



KEMBALIKAN taraf sukan Bola Baling

Muka 31

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'MEMBANGUN DUNIA YANG LEBIH ADIL DAN SIHAT'

دتریبٹکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دچیتق اوله قرینت قلس سنڊیرین برحد، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam